AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hujung Minggu

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah membunuh diri kamu sendiri (atau membunuh orang lain). Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah An-Nisa, ayat 29.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.09 | ASAR 3.31 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.18

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 142 | 28 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 18 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

KEPENTINGAN MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN UNTUK PERTUMBUHAN MASA DEPAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin menghadiri Sidang Akhbar Bersama yang berlangsung di Moscow, Persekutuan Rusia. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas (*Lihat muka 4*).

Mendukung usahawan tempatan melalui promosi produk, perkhidmatan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TEMBURONG, Jumaat, 27 November. – Dalam usaha memeriahkan suasana di Daerah Temburong, di samping menyokong penganjuran Brunei December Festival Ke-10 serta mengetengahkan keunikan, keindahan dan potensi daerah berkenaan sebagai destinasi pilihan, Program 'Ke Temburong Bisai' Edisi Brunei International Bike Gathering (BIBG) 2026 x Brunei City Festival (BCF) Tour 3.0 telah diadakan dengan kerjasama pelbagai pihak.

Program berkenaan dianjurkan oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong, Persatuan-persatuan Motosikal Negara Brunei Darussalam dan Riza Fudhlana Management Services, dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong.

>> Muka 14

Pendidikan ketenteraan profesional perlu terus berkembang

Oleh : Aimi Sani

TANAH JAMBU, Rabu, 25 November. - Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menekankan kepentingan Pendidikan Ketenteraan Profesional (PME) dalam membentuk pemimpin yang berkeupayaan menyesuaikan diri, membuat pertimbangan yang bijaksana serta memperkukuh kerjasama pertahanan antarabangsa.

>> Muka 10

Hayati, amalkan falsafah MIB dalam kehidupan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUTONG, Khamis, 26 November. - Forum Daerah-Daerah sempena Majlis Ilmu 2026 bagi Daerah Tutong yang membawa tajuk 'MIB : Bukan Sekadar Slogan, Ini Cara Hidup Kitani' telah diadakan hari ini, bertempat di Dewan Ma'had Islam Brunei, di sini.

Forum berkenaan merupakan salah satu pengisian Majlis Ilmu 2026 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

>> Muka 13

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



SMS Brunei Prihatin bagi DANA kutip BND90,595

Muka 8



MEMPERKUKUH perlindungan, pengiktirafan, potensi komersial kain tenunan

Muka 11



MEMANTAPKAN kefahaman mengenai pelaksanaan ibadat haji, umrah

Muka 15



WANITA dilindungi, bukan disakiti

Muka 28

PELITA BRUNEI

Memacu agenda penuaan berjaya melalui perancangan kebangsaan yang bersepadu

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakahtuh dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Bengkel Pelan Hala Tuju Kebangsaan 10 Tahun Ke Arah Penuaan Berjaya. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang melalui satu perubahan demografi yang sangat ketara di mana jangka hayat seseorang lebih lama, namun kadar kesuburan semakin menurun. Dalam tempoh hanya sedekad, peratusan penduduk berumur 60 tahun ke atas telah meningkat lebih daripada dua kali ganda. Menjelang tahun 2036, satu titik perubahan penting dijangka berlaku apabila bilangan warga emas melebihi bilangan kanak-kanak buat pertama kalinya.

Pada umumnya, jangka hayat yang lebih panjang merupakan satu encapaian pembangunan yang mencerminkan kemajuan sesebuah negara dari segi kesihatan, taraf hidup dan kesejahteraan sosial. Namun demikian, pencapaian ini perlu juga dilihat dalam konteks yang lebih luas, sebagai satu isu yang merangkumi keseluruhan kitaran kehidupan *(life-course)* dan melibatkan seluruh lapisan masyarakat *(whole-of-society)*, yang bermula jauh sebelum seseorang memasuki usia tua. Keputusan dan pelaburan yang kita buat pada hari ini dalam aspek kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perlindungan sosial serta persekitaran yang kondusif akan mempengaruhi sejauh mana seseorang dapat kekal sihat dan berdikari, terus terhubung secara sosial dan aktif dari segi ekonomi serta memperolehi sokongan dan penjagaan yang diperlukan apabila usia semakin meningkat.

Sesi pada hari ini memberi kita peluang untuk meneliti bagaimana usaha-usaha sedia ada dapat diperkukuh dan diselaraskan secara lebih bersepadu sebagai asas kepada penggubalan Pelan Hala Tuju Kebangsaan Ke Arah Penuaan Berjaya (National Roadmap for Successful Ageing). Bengkel selama dua hari ini menghimpunkan pegawai-pegawai kanan daripada kementerian dan agensi yang berkaitan untuk membincangkan hala tuju jangka panjang negara ke arah penuaan berjaya *(successful ageing)*. Berlandaskan Pelan Tindakan Warga Emas 2025 - 2030, Ke Arah Penuaan Berjaya serta selaras dengan keutamaan pembangunan negara, para peserta akan meneliti cadangan visi, misi dan nilai-nilai teras bagi Pelan Hala Tuju tersebut, mengenal pasti bidang-bidang keutamaan untuk tindakan dalam tempoh sedekad akan datang, serta meneroka pendekatan bagi menilai kemajuan pelaksanaannya. Dalam hubungan ini, pandangan dan sumbangan daripada setiap sektor amat penting, memandangkan kepelbagaian pengalaman dan kepakaran yang ada akan membantu memastikan roadmap ini dibangunkan secara menyeluruh, relevan serta mengambil kira keperluan dan keutamaan negara.

Di peringkat kerajaan, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi menyokong kesejahteraan warga emas, di samping memperkukuh peranan keluarga dan masyarakat dalam menghadapi perubahan demografi negara. Dalam konteks ini, keluarga akan terus memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan dan penjagaan kepada warga emas. Pada masa yang sama, realiti serta cabaran yang dihadapi oleh keluarga dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut juga perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Sebahagian daripada kita mungkin berhadapan dengan tanggungjawab menjaga ibu bapa yang semakin berusia, sambil membesarkan anak-anak, memenuhi komitmen pekerjaan dan pada masa yang sama membuat persediaan untuk hari tua sendiri. Dengan jumlah ahli keluarga yang semakin kecil serta jangka hayat yang semakin panjang, tanggungjawab penjagaan ini berkemungkinan perlu dipikul oleh bilangan ahli keluarga yang semakin sedikit.

Sehubungan itu, perancangan bagi menghadapi penuaan penduduk perlu mengambil kira bukan sahaja keperluan warga emas, tetapi juga keupayaan keluarga dalam melaksanakan tanggungjawab penjagaan serta ketersediaan sistem sokongan yang bersesuaian. Keluarga perlu diperkasa dan disokong melalui sistem serta perkhidmatan yang kukuh dan berkesan, agar tanggungjawab penjagaan warga emas dapat dilaksanakan secara bersama dan tidak diletakkan sepenuhnya di bahu keluarga.

>> Muka 11



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Bengkel Pelan Hala Tuju Kebangsaan 10 Tahun Ke Arah Penuaan Berjaya pada Rabu, 30 September 2026 yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	SABTU	18	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	AHAD	19	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
30	ISNIN	20	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.18
1 DISEMBER	SELASA	21	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
2	RABU	22	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.32	6.05	7.19
3	KHAMIS	23	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	JUMAAT	24	4.42	4.52	6.15	6.39	12.11	3.33	6.06	7.20

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	33 / 26 °C	34 / 26 °C	33 / 26 °C
Pekan Bangar	33 / 26 °C	33 / 26 °C	33 / 26 °C
Pekan Tutong	32 / 26 °C	33 / 26 °C	33 / 26 °C
Kuala Belait	33 / 26 °C	33 / 26 °C	33 / 26 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 28 NOVEMBER 2026

Santun berbahasa, harmoni bermasyarakat

DALAM kehidupan bermasyarakat, adab dan bahasa merupakan dua unsur penting yang mencerminkan keperibadian serta budi pekerti seseorang. Cara seseorang berbicara, memilih kata, menghormati orang lain dan membawa diri dalam sesuatu keadaan bukan sekadar menggambarkan latar belakangnya, malah turut memperlihatkan nilai yang tertanam dalam dirinya.

Adab yang baik tidak hanya terbatas kepada tingkah laku ketika berhadapan dengan orang lain, bahkan merangkumi cara berkomunikasi, menjaga tutur kata, menghormati perbezaan pandangan serta memahami batas dalam pergaulan. Begitu juga dengan bahasa yang digunakan kerana setiap perkataan yang dilafazkan mempunyai kesan terhadap perasaan, hubungan dan suasana di sekeliling.

Bahasa yang sopan bukan bermaksud seseorang perlu sentiasa menggunakan kata-kata yang terlalu formal, sebaliknya menunjukkan keupayaan untuk menyesuaikan tutur kata mengikut keadaan dan orang yang dihadapi. Nada suara, pemilihan perkataan dan cara menyampaikan sesuatu perkara perlu dipertimbangkan agar mesej dapat disampaikan dengan jelas tanpa menyinggung perasaan pihak lain.

Sebaliknya, kata-kata yang kasar, penghinaan, sindiran berlebihan atau ucapan yang menjatuhkan maruah seseorang boleh meninggalkan kesan yang mendalam. Dalam sesetengah keadaan, satu perkataan yang diucapkan tanpa berfikir panjang boleh merosakkan hubungan yang telah dibina sekian lama.

Budaya berbahasa secara berhemah juga penting dalam membentuk suasana masyarakat yang harmoni. Perbezaan pendapat merupakan perkara biasa dalam kehidupan, namun perbezaan tersebut tidak semestinya membawa kepada pertelingkahan. Pandangan boleh disampaikan secara tegas dan bernas tanpa mengorbankan kesantunan.

Dalam hal ini, keluarga memainkan peranan besar dalam membentuk adab dan bahasa anak-anak. Pendidikan tentang menghormati orang lain, mengucapkan terima kasih, meminta maaf, memberi salam, bercakap dengan sopan dan menjaga perasaan orang lain seharusnya bermula di rumah. Apa yang dibiasakan sejak kecil lazimnya akan menjadi sebahagian daripada keperibadian apabila mereka dewasa.

Oleh itu, menjaga adab dan bahasa bukanlah perkara kecil. Ia merupakan sebahagian daripada usaha membentuk peribadi yang baik serta mewujudkan hubungan yang lebih sihat dengan orang di sekeliling. Kata-kata yang baik mungkin kelihatan sederhana, tetapi kesannya mampu bertahan lama. Begitu juga dengan kata-kata yang menyakitkan kerana kesannya mungkin sukar dilupakan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM AKHIRI KEBERANGKATAN NEGARA KE PERSEKUTUAN RUSIA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka anakanda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan (kanan).





Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin

MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berkenan berangkat meninggalkan Moscow, Persekutuan Rusia setelah selesainya mengadakan Keberangkatan Negara ke Persekutuan Rusia selama dua hari pada 24 dan 25 November 2026.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Vnukovo-2 bagi menyembahkan ucapan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi, Tuan Yang Terutama Valery Falkov; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Andrey Rudenko; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Mikhail Vladimirovich Baranov.

Turut hadir di lapangan terbang ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin, dan para pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar NBD di Moscow.





SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda sebelum berangkat meninggalkan Moscow, Persekutuan Rusia setelah selesainya mengadakan Keberangkatan Negara ke Persekutuan Rusia selama dua hari pada 24 dan 25 November 2026 (atas sekali, kiri dan atas).

Berangkat ke Majlis Persantapan Tengah Hari, Tete-a-Tete

MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari dan Tete-a-Tete yang dihoskan oleh Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin bagi meraikan Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Majlis tersebut berlangsung di Chamber of Facets, Grand Kremlin Palace, Moscow dan diserikan dengan alunan muzik klasik Rusia.

Satu Kenyataan Bersama telah diterbitkan selepas tamatnya Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Moscow, Persekutuan Rusia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari dan Tete-a-Tete yang dihoskan oleh Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin. Berangkat mengiringi baginda, ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



PELITA BRUNEI

Kepentingan membangunkan kemahiran untuk pertumbuhan masa depan

MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin menghadiri Sidang Akhbar Bersama yang berlangsung di Moscow, Persekutuan Rusia.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Dalam Sidang Akhbar Bersama berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain menzahirkan penghargaan kepada Presiden Persekutuan Rusia atas sambutan yang mesra dan memberikan penghormatan yang tinggi kerana dapat berangkat mengadakan Keberangkatan Negara Kali Kedua ke Persekutuan Rusia, bertepatan dengan sambutan 35 tahun hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara.

Baginda mengimbas kembali mengalu-alukan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menghadiri APEC pada tahun 2000, Keberangkatan Negara pertama baginda ke Moscow pada tahun 2005 dan mesyuarat baru-baru ini di Kazan dan Shenzhen.

Baginda bertitah bahawa mesyuarat-mesyuarat tersebut telah mengeratkan persahabatan antara NBD dan Rusia.

Baginda juga menggalakkan hubungan berterusan antara pegawai kedua-dua buah negara dan juga peluang-peluang kerjasama mendalam di bidang pendidikan, tenaga dan perdagangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menzahirkan penghargaan atas kerjasama Persekutuan Rusia dengan NBD di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan forum antarabangsa lain dan atas komitmen bersama terhadap dialog yang membina.

Baginda bertitah bahawa Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia di Kazan, yang menandakan hubungan selama 35 tahun tersebut menawarkan peluang untuk memajukan perkongsian tersebut dan baginda mengalu-alukan penglibatan berterusan Persekutuan Rusia dengan ASEAN dan sokongan bagi ASEAN Centrality.

Kebawah DYMM bertitah bahawa NBD menghargai persahabatan dan kepercayaan yang dibina selama 35 tahun dan asas yang kukuh ini dapat menjadi manfaat yang praktikal untuk rakyat kedua-dua buah negara.

Mesyuarat dan perundingan yang kerap mengenai pertahanan dan keselamatan dapat mengukuhkan lagi persefahaman dan kepercayaan bersama.

Baginda juga mengalu-alukan kerjasama yang lebih erat melalui Dialog ASEAN-Rusia mengenai keselamatan ICT, terutamanya dalam pembinaan kapasiti dan menggalakkan komuniti perniagaan untuk meneroka peluang dalam ekonomi digital, Kecerdasan Buatan dan tenaga boleh diperbaharui.

Baginda bertitah menekankan kepentingan membangunkan kemahiran untuk pertumbuhan masa depan, mengalu-alukan tawaran Biasiswa Persekutuan Rusia dan menyokong hubungan yang lebih erat antara institusi pendidikan.

Baginda bertitah bahawa pelancongan sebagai salah satu cara mendekatkan rakyat dan seterusnya mengalu-alukan lebih ramai pengunjung Persekutuan Rusia menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 dan menggalakkan kerjasama antara industri pelancongan kedua-dua negara. Bidang-bidang ini, di samping kerjasama praktikal selepas Sidang Kemuncak Kazan dan penglibatan ekonomi serantau yang diketengahkan pada Mesyuarat APEC di Shenzhen, boleh membantu mengeratkan hubungan ke arah Perkongsian Strategik.

Pada mengakhiri titah, baginda menzahirkan penghargaan kepada Persekutuan Rusia atas layanan dan peluang untuk bertukar pandangan dan menaruh harapan agar penglibatan berterusan dalam mengukuhkan persahabatan negara-negara dan seterusnya mengundang TYT Vladimir Putin untuk mengadakan Lawatan Negara yang pertamanya ke NBD pada masa yang sesuai.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

KERJASAMA BERTERUSAN DALAM MEMAJUKAN KEAMANAN, KESTABILAN, KEMAKMURAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Mesyuarat Dua Hala dengan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin di Moscow, Persekutuan Rusia.



MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin di Moscow, Persekutuan Rusia.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada majlis berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengimbas kembali mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam untuk menghadiri APEC pada tahun 2000 dan layanan yang diberikan semasa Keberangkatan Negara pertama baginda ke Moscow pada tahun 2005.

Baginda juga bertitah bahawa mesyuarat baru-baru ini di Kazan dan Shenzhen telah mengukuhkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara, yang mana baginda menggalakkan hubungan berterusan antara pegawai kedua-dua negara dan peluang untuk memperdalam lagi kerjasama dalam pendidikan, tenaga dan perdagangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menzahirkan penghargaan atas kerjasama dengan Persekutuan Rusia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan forum antarabangsa lain serta komitmen bersama terhadap dialog yang membina dan menekankan bahawa Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia di Kazan pada bulan Jun lalu menandakan ulang tahun ke-35 hubungan dan memberi peluang untuk memperkembangkan perkongsian tersebut.

Pada mengakhiri titah, baginda menzahirkan penghargaan atas penglibatan berterusan Persekutuan Rusia dengan ASEAN dan sokongan terhadap ASEAN Centrality dan berkongsi pandangan bahawa dialog dan kerjasama yang berterusan adalah penting pada masa ketidakpastian antarabangsa dalam memajukan keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

NBD TERUS KOMITED DALAM MENYOKONG KEAMANAN, KESTABILAN GLOBAL

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin (atas dan atas kanan).

MOSCOW, **PERSEKUTUAN RUSIA**, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) amat menghargai persahabatan dan kepercayaan yang dibina selama 35 tahun, dengan keutamaan untuk membina asas yang kukuh ini bagi memberikan manfaat praktikal selanjutnya kepada kedua-dua belah pihak dan menzahirkan rasa puas hati kerana perjumpaan dan rundingan berkala dalam pertahanan dan keselamatan, terus meningkatkan persefahaman dan kepercayaan bersama.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah mengalu - alukan kerjasama yang lebih erat melalui Dialog ASEAN-Rusia mengenai Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), terutamanya dalam pembinaan kapasiti, tatkala cabaran keselamatan berkembang dan berkongsi bahawa terdapat ruang yang besar untuk penglibatan yang lebih erat antara komuniti perniagaan kedua-dua buah negara dan mengalu-alukan rakan kongsi Persekutuan Rusia dan delegasi perniagaan untuk meneroka peluang dalam ekonomi digital, Kecerdasan Buatan (AI) dan tenaga boleh diperbaharui pada masa NBD memajukan keutamaan negaranya.

Baginda dalam titah turut menekankan kepentingan membangunkan kemahiran untuk menyokong pertumbuhan masa hadapan dan menzahirkan penghargaan atas tawaran biasiswa Persekutuan Rusia, dan mengalu-alukan penglibatan yang lebih mendalam antara institusi pendidikan kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM juga bertitah bahawa peluang dalam pelancongan untuk mendekatkan kedua-dua belah pihak, dan menjelang Tahun Melawat Brunei 2027, mengalu - alukan lebih ramai pelawat Persekutuan Rusia dan menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara industri pelancongan; dan menyatakan bahawa bidang-bidang ini menyediakan asas yang berguna untuk memperdalam hubungan kepada Perkongsian Strategik semasa lawatan tersebut.

Mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, baginda bertitah menekankan komitmen NBD untuk bekerjasama dengan Persekutuan Rusia dan rakan kongsi lain bagi menangani cabaran bersama dan menyokong keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

Dalam titah baginda juga menekankan bahawa keutamaan ASEAN dan seni bina serantau yang terbuka dan inklusif sebagai teras usaha ini, di mana NBD terlibat secara membina dengan semua rakan kongsi, termasuk Persekutuan Rusia.

Kebawah DYMM bertitah mengimbas kembali Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia di Kazan pada Jun sebagai satu peristiwa penting, dan berharap dapat membina hasilnya melalui kerjasama praktikal yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC baru-baru ini di Shenzhen turut menekankan kepentingan kerjasama ekonomi serantau, dan menzahirkan penghargaan atas penglibatan Persekutuan Rusia dalam memastikan Asia-Pasifik terbuka dan terhubung. Perbincangan mengenai Timur Tengah dan Ukraine.

Kebawah DYMM selanjutnya bertitah menyeru agar keganasan dihentikan serta-merta dan akses kemanusiaan tanpa halangan di Palestin, dan mengesahkan semula sokongan NBD kepada rakyat Palestin dan Negara Palestin yang merdeka melalui penyelesaian dua negara, berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya.

Baginda bertitah menzahirkan kebimbangan serius terhadap konflik yang melibatkan Amerika Syarikat dan Republik Islam Iran, yang mana baginda menyatakan bahawa gangguan di Selat Hormuz menunjukkan bagaimana konflik yang jauh menjejaskan semua negara.

Kebawah DYMM bertitah menekankan bahawa sebagai sebuah ekonomi kecil yang bergantung pada laluan laut terbuka, NBD bimbang dengan implikasinya terhadap perdagangan, bekalan tenaga dan kos sara hidup, dan menekankan bahawa dialog dan diplomasi adalah penting untuk menyelesaikan pertikaian, menggesa pengurangan dan usaha untuk melindungi perkapalan komersial dan kebebasan navigasi mengikut undang-undang antarabangsa.

Baginda bertitah menzahirkan penghargaan atas sokongan Persekutuan Rusia kepada rakyat Palestin dan mengalu-alukan sumbangan berterusan Persekutuan Rusia kepada usaha diplomatik ke arah keamanan dan kestabilan di Timur Tengah.

Mengakhiri titah, Kebawah DYMM menekankan komitmen yang sama terhadap penyelesaian aman yang membimbing pendirian NBD mengenai Ukraine, dan menzahirkan harapan bahawa dialog akan membawa kepada keamanan yang adil dan berkekalan, selaras dengan Piagam PBB.

Berkenan berangkat menghadiri Sambutan Negara





KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Negara di Grand Kremlin Palace dialu-alukan oleh Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin dan seterusnya baginda turut disembahperkenalkan kepada ahli-ahli delegasi dari Persekutuan Rusia.

MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Sambutan Negara yang berlangsung di Grand Kremlin Palace, Moscow.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Grand Kremlin Palace dialu-alukan oleh Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM dan Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Rusia berkenan menyertai sesi bergambar rasmi, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM turut disembahperkenalkan kepada ahli-ahli delegasi dari Persekutuan Rusia, manakala Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Rusia diperkenalkan kepada ahli-ahli delegasi Negara Brunei Darussalam.

PELITA BRUNEI

BERKENAN BERANGKAT KE UPACARA PELETAKAN KARANGAN BUNGA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Peletakan Karangan Bunga. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri dan kanan).

MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Peletakan Karangan Bunga.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Tomb of the Unknown Soldier di Alexander Gardens, Moscow, telah dijunjung oleh Moscow Military Commander dan Director of State Protocol, Colonel General Sergey Kuzovlev.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan meletakkan karangan bunga di Tomb of the Unknown Soldier dan bertafakur sejenak bagi memberi penghormatan kepada perajurit yang telah gugur.

Upacara tersebut juga menyaksikan perarakan kawalan kehormatan.

Terletak berhampiran tembok bata merah di bahagian barat Kremlin di Alexander Garden, Tomb of the Unknown Soldier merupakan tugu peringatan perang kebangsaan Persekutuan Rusia yang paling syahdu, didedikasikan kepada jutaan tentera Soviet yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua.

Dirasmikan pada Mei 1967, lokasi tersebut kekal sebagai pusat peringatan kebangsaan, diawasi oleh para pengawal daripada Rejimen Kremlin yang berdiri kaku, yang mana upacara pertukaran pengawal setiap jam sering disaksikan oleh orang ramai dalam suasana yang hening setiap hari.

Berangkat tiba di Moscow bagi Keberangkatan Negara





KETIBAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Moscow, Persekutuan Rusia, dijunjung oleh Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi, Tuan Yang Terutama Valery Falkov (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra di tempat persemayaman baginda di Moscow.



MOSCOW, PERSEKUTUAN RUSIA, Selasa, 24 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat tiba di Moscow, Persekutuan Rusia, malam ini bagi mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari yang dijadualkan berlangsung pada 24 dan 25 November 2026, atas undangan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Vnukovo 2, Moscow, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi, Tuan Yang Terutama Valery Falkov; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Andrey Rudenko dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Mikhail Vladimirovich Baranov.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya disembahkan dengan penghormatan Kawalan Kehormatan Statik, dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan Rusia dan NBD.

Kebawah DYMM juga disembahkenalkan kepada para pegawai kanan Persekutuan Rusia sebelum menaiki kenaikan khas menuju ke tempat persemayaman baginda di Moscow.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin.

KEMENANGAN DPMM FC TERUS MENGORAK LANGKAH, PERKUKUH MOMENTUM





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut (atas kanan). Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Jumaat, 27 November. - Momentum lima kemenangan berturut-turut dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2026/2027 menjadi suntikan semangat buat pasukan DPMM FC untuk terus mengorak langkah memburu kedudukan lebih tinggi di persada liga, sekali gus memperkukuh kedudukan dalam kelompok empat teratas setakat ini.

Beraksi di gelanggang sendiri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi, DPMM FC sekali lagi membuktikan keupayaan serta konsistensi pasukan apabila berjaya meraih tiga mata penuh dalam aksi perlawanan kelapan Liga Super Malaysia, sekali gus menundukkan Kelantan Red Warrior FC (Kelantan RW FC) dengan keputusan 5 - 0.

Kemenangan tersebut bukan sahaja memperlihatkan prestasi DPMM FC yang semakin meningkat, malah menjadi petanda positif dalam usaha pasukan untuk terus mengejar kedudukan di puncak liga, dengan setiap perlawanan kini membawa kepentingan besar dalam menentukan perjalanan kempen musim ini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri turut menyemarakkan suasana perlawanan di stadium negara di sini.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka-paduka adinda, di sini, ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

DPMM FC tidak mensia-siakan peluang terus merembat gol pertama pada awal perlawanan menerusi Jordan David Murray di minit ke-7 dan terus mematahkan semangat dengan menambah satu lagi gol kurang tujuh minit kemudian menerusi sepakan jauh Ketua Pasukan, Muhammad Azwan Ali Rahman yang begitu padu sehingga membolos penjaga gawang Kelantan RW FC.

Berikutan *handball* oleh pemain Kelantan RW FC, Iskandar Shah Mohd. Jamil Kinin dan diberikan kad merah, memberikan kelebihan DPMM FC menjaringkan satu gol menerusi sepakan penalti daripada Muhammad Hakeme Yazid Said pada minit ke-32.

Selang empat minit kemudian, penyerang DPMM FC, Dalberto Luan Belo tanpa melengahkan masa terus menghadiahkan gol keempat perlawanan dengan memanfaatkan pasukan lawan yang kurang seorang pemain.

Petanda baik pemulaan babak kedua, Dalberto Luan Belo menambah satu lagi gol buat DPMM FC pada minit ke-47 dan kedudukan 5 - 0 kekal sehingga tamat perlawanan.

Sorakan dan sokongan padu para penyokong yang memenuhi stadium turut menjadi pembakar semangat kepada para pemain DPMM FC untuk terus tampil bersemangat, menguasai permainan serta mempertahankan momentum kemenangan di gelanggang sendiri.

Semasa Sidang Media selepas perlawanan, Jurulatih DPMM FC, James Reynolds McAllister antara lain merumuskan prestasi anak buahnya kali ini dengan banyak mendominasi gol pada babak pertama dan jangkaan untuk cuba mendapatkan lebih gol sehingga 7 ke 8 akan tetapi kemenangan ini memintas kedudukan ketiga tangga teratas liga.

Mengenai dengan peningkatan, James Reynolds McAllister kejayaan yang dicapai itu akan membuatkan anak buahnya terus belajar dan menjadi lebih kuat sebagai satu kerja berpasukan dan itu adalah satu prestasi pasukan yang sebenar dan terus meningkatkan prestasi persembahan dan perkembangan setiap masa dalam sesi latihan yang giat dijalankan.

Jurulatih Kelantan RW FC, Irfan Bakti Abu Salim mengakui kekurangan seorang pemain sedikit sebanyak menjejaskan prestasi permainan anak buahnya dan banyak memberi peluang kepada DPMM FC namun pasukannya dapat memperbaiki permainan di separuh masa kedua.

Lima kemenangan berturut-turut kini menjadi landasan penting buat DPMM FC untuk terus mencabar kedudukan teratas liga, dengan harapan momentum positif itu dapat dikekalkan dalam aksi-aksi bagi perlawanan seterusnya terutama sekali akan menentang pasukan Selangor FC antara pencabar tiga teratas liga ketika ini.









AKSI-aksi para pemain pada perlawanan tersebut (atas sekali kiri, atas sekali dan atas). Manakala gambar kiri, para penyokong yang hadir memeriahkan perlawanan tersebut serta memberi sokongan moral pada pasukan yang mereka gemari.

PELITA BRUNEI

SMS BRUNEI PRIHATIN BAGI DANA KUTIP BND90,595

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Penerimaan Hasil Kutipan SMS Brunei Prihatin bagi Tahun 2025-2026, Penerimaan Sumbangan Kewangan Untuk DANA dan Pelancaran SMS Brunei Prihatin bagi DANA Tahun 2026-2027 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

SMS Brunei Prihatin bagi DANA Tahun 2025-2026 telah berjaya membuat kutipan daripada orang ramai sebanyak BND90,595.

Projek tersebut berjalan selama sembilan bulan iaitu bermula 27 November 2025 hingga 27 Ogos 2026.

Tiga buah syarikat telekomunikasi iaitu DST, Syarikat Progresif Sdn. Bhd. dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd. telah memberi kemudahan perkhidmatan SMS kepada para penyumbang yang membuat sumbangan kepada DANA melalui SMS tanpa caj.

Manakala Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Masjid masing-masing bertindak sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai melalui siaran televisyen dan rangkaian radio, akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei dan juga Khutbah Jumaat.

Selain itu, beberapa buah pawagam di negara ini juga memberi sokongan melalui slot pengiklanan tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Daripada jumlah keseluruhan kutipan SMS Brunei Prihatin bagi DANA Tahun 2025-2026, sebanyak BND60,053 berjaya dikumpulkan melalui sumbangan pelanggan DST.

Kutipan tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi DST, Ang Kian Han. Selain itu, DST turut menyampaikan sumbangan korporat berjumlah BND10,000 kepada DANA.

Sementara itu, kutipan melalui sumbangan pelanggan Progresif Sdn. Bhd. berjumlah BND28,885 disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Syarikat berkenaan turut menyampaikan sumbangan korporat berjumlah BND1,000 kepada DANA.

Kutipan melalui sumbangan pelanggan Imagine Sdn. Bhd. pula berjumlah BND1,657 dan disampaikan oleh Naib Presiden Kanan Teknologi Maklumat dan Inovasi, Imagine Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd Radziman bin Haji Abd. Rahman. Syarikat berkenaan turut menyampaikan sumbangan korporat berjumlah BND5,000 kepada DANA.

DANA turut menerima sumbangan kewangan berjumlah BND11,000 daripada Persatuan Orang-orang Islam India di Brunei (POIIDB).

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Presiden POIIDB, Awang Haji Hidhayathulla bin Haji Tajudeen.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Pelancaran SMS Brunei Prihatin bagi DANA Tahun 2026-2027 telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Tujuan utama bagi mengadakan SMS Brunei Prihatin bagi DANA adalah untuk meningkatkan rasa pemedulian dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat terhadap anak-anak yatim. Projek ini juga adalah merupakan salah satu usaha DANA dalam mempelbagaikan cara atau mekanisme yang mudah untuk orang ramai menyalurkan sumbangan ikhlas mereka khusus kepada anak-anak yatim di negara ini.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang berhasrat untuk membuat sumbangan mereka kepada anak-anak yatim melalui SMS Brunei Prihatin bagi DANA bolehlah memberi sumbangan melalui SMS sama ada BND100 atau BND50 atau BND20 atau BND15 atau BND10 atau BND5 atau BND1.

Setiap SMS yang dikirim khusus bagi sumbangan ini tidak akan dikenakan sebarang caj perkhidmatan oleh ketiga-tiga syarikat telekomunikasi berkenaan.

Bagi orang ramai yang ingin membuat sumbangan bolehlah menaip kata laluan DANA dan diikuti dengan jumlah sumbangan (100 atau 50 atau 20 atau 15 atau 10 atau 5 atau 1) tanpa jarak dan menghantarnya ke nombor 38111 bagi pengguna talian DST dan Progresif atau 39999 bagi pengguna talian Imagine.Contoh : DANA10 (bagi sumbangan BND10).

Sumbangan tingkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan mulut, gigi



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA semasa menerima sumbangan perkhidmatan daripada Dentistree Clinic Brunei disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub selaku pemilik klinik berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Buat julung kalinya Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) menerima sumbangan berupa perkhidmatan profesional iaitu Perkhidmatan Kesedaran, Saringan dan Rawatan Kesihatan Mulut Komuniti (Community Oral Health Awareness, Screening And Treatment Initiative) pada majlis yang berlangsung pagi tadi di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di sini.

Sumbangan tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mulut dan gigi daripada kalangan anak-anak yatim yang berdaftar di Sekretariat DANA, khususnya anak-anak yatim daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

Sumbangan perkhidmatan tersebut disumbangkan oleh Dentistree Clinic Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Sumbangan perkhidmatan daripada Dentistree Clinic Brunei disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub selaku pemilik klinik berkenaan.

Inisiatif kebajikan tersebut bertujuan untuk memperluas akses anak-anak yatim yang kurang berkemampuan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian yang berkualiti, di samping meningkatkan kesedaran dan memupuk amalan penjagaan kebersihan mulut dan gigi yang baik sejak usia muda.

Melalui pemeriksaan yang dijalankan, tahap kesihatan pergigian anak yatim akan dinilai bagi mengenal pasti masalah serta keperluan rawatan yang bersesuaian.

Hasil penilaian tersebut akan menjadi asas dalam menentukan langkah pencegahan, rawatan lanjut dan pemantauan susulan bagi memastikan kesihatan pergigian anak-anak yatim sentiasa diberikan perhatian secara berterusan.

Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat, merangkumi sesi pendidikan dan kesedaran awal mengenai kesihatan mulut, pemeriksaan pergigian, rawatan pencegahan serta rawatan susulan yang bersesuaian berdasarkan keperluan setiap anak yatim.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat berkenaan mencerminkan komitmen dan keprihatinan Dentistree Clinic Brunei dalam menyokong usaha kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim, khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan pergigian.

Sokongan ini diharap dapat memberikan manfaat yang berterusan kepada anak-anak yatim di samping memupuk amalan penjagaan kesihatan mulut dan gigi yang baik serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan pergigian sebagai sebahagian daripada kesejahteraan diri secara menyeluruh.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam. YSHHB ialah sekretariat bagi DANA.

MESYUARAT PERTAMA BINCANG PERSEDIAAN HARI KEBANGSAAN NBD KE-43

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri-Menteri Kabinet hadir pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-43, Tahun 2027 (kiri). Sementara gambar bawah kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Hari Kebangsaan bukan sekadar suatu sambutan tahunan dalam kalendar negara, tetapi merupakan manifestasi rasa syukur atas nikmat kemerdekaan, keamanan dan kedaulatan yang *kitani* kecapi.

Ia juga merupakan wadah untuk memperbaharui tekad dan iltizam *kitani* dalam memperkukuh perpaduan, menyemarakkan semangat patriotisme serta menzahirkan taat setia kepada raja dan negara.

Dalam hubungan ini, kejayaan penganjuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang lalu merupakan hasil komitmen, dedikasi dan kerjasama erat pelbagai pihak di semua peringkat.

Kejayaan tersebut bukan sahaja mencerminkan keupayaan *kitani* dalam mengendalikan acara kenegaraan, malah memperlihatkan semangat kebersamaan dan kecintaan kepada negara yang terus subur dalam kalangan rakyat dan penduduk.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, semasa Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-43, Tahun 2027, yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pagi tadi.

Kongsi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, berlandaskan pengalaman dan pencapaian tersebut, adalah penting bagi kita untuk juga terus mengenal pasti peluang penambahbaikan dan memperkasakan Sambutan Hari Kebangsaan ini, bukan sahaja dari aspek pengurusan dan penyelarasan, bahkan dari segi pengisian, penyertaan serta impak sambutan kepada masyarakat, agar ia akan terus menjadi sambutan yang dekat di hati rakyat dan dihayati bersama.

"Sebagimana yang *kitani* sedia maklum, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-43, Tahun 2027 akan berlangsung dalam bulan Ramadan Al-Mubarak. Keadaan ini sewajarnya diberikan perhatian khusus dalam merangka konsep, pengisian dan tatacara pelaksanaan sambutan, dengan mengambil kira tuntutan ibadah, kesesuaian waktu serta keberkatan bulan yang mulia ini," ujar Yang Berhormat.

Berpandukan pengalaman penganjuran sambutan pada tahun lalu yang turut berlangsung dalam bulan Ramadan jelas Yang Berhormat, *kitani* mempunyai asas yang baik untuk merangka pendekatan yang bersesuaian dan berkesan. Pengalaman tersebut hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya, dengan mengambil kira aspek kebajikan para peserta, kesesuaian pengaturan acara serta kelancaran pelaksanaan sambutan secara keseluruhannya.

Pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat lagi, Sambutan Hari Kebangsaan dalam bulan Ramadan memberikan *kitani* peluang untuk memperkukuh lagi penghayatan terhadap nilai-nilai kesyukuran, keinsafan, perpaduan dan tanggungjawab bersama, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja yang menjadi teras kehidupan bernegara.

Mesyuarat pertama pada pagi ini merupakan langkah penting dalam menetapkan asas dan hala tuju persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-43, Tahun 2027 ujar Yang Berhormat.

"InsyaaAllah, *kitani* akan meneliti laporan pasca pelaksanaan (*post mortem*) Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026. Mesyuarat ini juga akan mempertimbangkan beberapa perkara dasar dan cadangan awal yang dikemukakan oleh Urus Setia, termasuk konsep keseluruhan sambutan, cadangan tema, reka bentuk logo, format upacara kemuncak serta acara-acara utama yang akan dilaksanakan," terang Yang Berhormat.

Perkara-perkara ini, kongsi Yang Berhormat, memerlukan penelitian dan pertimbangan bersama agar setiap ketetapan yang dicapai mempunyai hala tuju yang jelas serta dapat diterjemahkan kepada tindakan yang terancang dan berkesan.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mengalu-alukan pandangan, buah fikiran serta cadangan yang konstruktif daripada seluruh Ahli Jawatankuasa Tertinggi. Adalah penting agar setiap keputusan yang dicapai pada pagi ini disusuli dengan penyelarasan yang rapi, pembahagian tanggungjawab yang jelas serta tindakan susulan yang teratur bagi memastikan segala persediaan dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Agenda mesyuarat kali ini antara lain memfokuskan kepada rumusan laporan pasca pelaksanaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026, cadangan logo, tema dan huraian tema bagi sambutan Ke-43, Tahun 2027, format acara kemuncak, serta perancangan acara-acara sambutan.

Perbincangan turut merangkumi tarikh upacara-upacara menaikkan dan menurunkan Bendera Besar, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja, Program Semarak Pengibaran Bendera serta Majlis Khatam Al-Quran 43 Kali.

Turut hadir, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Penasihat Bersama, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin selaku Timbalan Pengerusi Bersama.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-43, Tahun 2027.

Jawatankuasa Tertinggi berkenaan berperanan merancang, menyelaras dan menjayakan sambutan tersebut agar terus menjadi wadah menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh perpaduan serta menzahirkan rasa syukur atas nikmat kemerdekaan, keamanan dan kedaulatan negara.

Memandangkan sambutan tahun 2027 berlangsung dalam bulan suci Ramadan, perancangan turut memberikan penekanan khusus terhadap konsep, pengisian dan tatacara pelaksanaan yang bersesuaian dengan tuntutan ibadah, kesesuaian waktu serta keberkatan bulan yang mulia itu.



2,427 terima sumbangan kupon

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) ketika menyerahkan kupon kepada Pemangku Penolong Pegawai DBM, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin pada Majlis Penyampaian Sumbangan dalam Bentuk Kupon untuk Pembelian Peralatan dan Keperluan Persekolahan bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) Tahun 2027.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Seramai 2,427 orang iaitu merupakan sebahagian anak-anak yatim yang berdaftar di Sekretariat DANA akan menerima sumbangan kupon yang bernilai sebanyak BND70.

Anak-anak yatim yang menerima sumbangan ini adalah mereka yang tidak berdaftar dengan Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan tidak menerima bantuan daripada agensi-agensi lain.

Nilai keseluruhan kupon yang disumbangkan kepada 2,427 orang anak yatim pada majlis ini berjumlah BND169,890.

Sehubungan itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan dalam Bentuk Kupon untuk Pembelian Peralatan dan Keperluan Persekolahan bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) Tahun 2027, bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Kupon - kupon tersebut diserahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) kepada Pemangku-pemangku Penolong Pegawai Daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), kupon DANA berjumlah BND118,020 untuk seramai 1,686 orang anak yatim telah diterima oleh Pemangku Penolong Pegawai DBM, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin.

Bagi Daerah Belait pula, kupon DANA berjumlah BND16,800 untuk seramai 240 orang anak yatim telah diterima oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Kamal Ariffin bin Pengiran Md. Yassin.

Seterusnya, bagi Daerah Tutong, kupon DANA berjumlah BND27,300 untuk seramai 390 orang anak yatim telah diterima oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adnan.

Manakala bagi Daerah Temburong, kupon DANA berjumlah BND7,770 untuk seramai 111 orang anak yatim telah diterima oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Ampuan Noorirawaty binti Ampuan Haji Razid.

Kupon - kupon tersebut seterusnya akan diserahkan kepada anak-anak yatim di seluruh negara melalui ketua - ketua kampung masing-masing.

Kupon-kupon ini sah ditukarkan atau digunakan di 23 buah syarikat yang membekalkan barang-barang tersebut telah dikenal pasti oleh DANA yang terletak di keempat-empat buah daerah, iaitu kedai-kedai yang membekalkan buku-buku latihan, buku-buku kerja, peralatan tulis, pakaian sekolah, beg dan kasut sekolah serta kedai-kedai yang membekalkan barang - barang keperluan harian kanak-kanak bagi anak yatim yang belum bersekolah.

Di samping itu juga, kupon-kupon DANA boleh digunakan di sekolah sama ada di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama mahupun sekolah swasta.

Daripada 23 buah syarikat tersebut juga, sebanyak 14 buah syarikat bersetuju untuk menyumbangkan 5 peratus daripada hasil jualan melalui kupon tersebut kepada DANA.

Sumbangan ini dihasratkan bagi memberi galakan dan kesedaran dalam kalangan anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka pada masa hadapan dan seterusnya memberi dorongan kepada mereka untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Bagi ibu dan penjaga pula, sumbangan ini dihasratkan bagi meringankan bebanan perbelanjaan yang ditanggung khususnya apabila menjelang penggal awal persekolahan anak-anak mereka. Adalah diharapkan bantuan seperti ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak-anak yatim dan penjaga mereka.

Turut hadir pada majlis ini ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, Pegawai-pegawai Kanan YSHHB dan pegawai-pegawai kanan dari DST, Syarikat Progresif Sdn. Bhd. dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

YSHHB ialah sekretariat bagi DANA.

PELITA BRUNEI

PENDIDIKAN KETENTERAAN PROFESIONAL PERLU TERUS BERKEMBANG

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Berucap pada Majlis Penutup Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-16, Tahun 2026 yang berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB), Tanah Jambu, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut mengetengahkan pemboleh daya strategik PERKASA yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026 (KPPK 2026), dengan menekankan keperluan untuk memperkukuh daya tahan negara, mengadaptasi teknologi baharu secara bertanggungjawab serta mengekalkan keupayaan pertahanan yang berwibawa.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam menghadapi persekitaran keselamatan global yang semakin kompleks, pendidikan ketenteraan profesional perlu terus berkembang seiring dengan keperluan pertahanan negara.

Perkara ini terang Yang Berhormat, antara lain dicerminkan melalui penambahbaikan Modul Keupayaan Ketenteraan pada tahun ini yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Cranfield dan King's College United Kingdom, serta disokong melalui penglibatan bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Markas Pemerintahan Pasukan Bersama.

Jelas Yang Berhormat, inisiatif berkenaan menekankan bahawa keupayaan ketenteraan bukan hanya diukur berdasarkan kelengkapan dan peralatan semata-mata, malah turut bergantung kepada keberkesanan penyelarasan dan pengukuhan aspek sumber manusia, doktrin, organisasi, latihan, teknologi serta sokongan yang berterusan.

"Bagi merealisasikan keutamaan tersebut, penyelarasan antara dasar yang kukuh, sumber manusia yang berkeupayaan, peruntukan sumber yang bersesuaian serta penggunaan teknologi dengan objektif strategik yang jelas adalah amat penting.

"Perkara ini semakin relevan memandangkan perkembangan teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI), sistem autonomi, teknologi siber dan angkasa lepas berpotensi mengubah bentuk ancaman serta operasi ketenteraan.

"Walau bagaimanapun, meskipun teknologi mampu meningkatkan keupayaan pertahanan, ia bukanlah satu - satunya faktor yang menentukan kelebihan ketenteraan. Sebaliknya, peranan manusia, pertimbangan etika dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan tetap menjadi penentu kepada keberkesanan penggunaannya," terang Yang Berhormat.

Sebagai sebuah negara kecil yang cintakan keamanan, tambah Yang Berhormat lagi, keamanan dan kestabilan yang dinikmati oleh Negara Brunei Darussalam merupakan satu anugerah yang tidak seharusnya dipandang ringan. Oleh itu, keupayaan pertahanan yang berwibawa, daya tahan negara, institusi yang dipercayai serta kerjasama strategik perlu terus diperkukuh bagi memelihara keamanan dan kedaulatan negara.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II ketika menyampaikan ucapannya.

39 pegawai tempatan, antarabangsa tamat Kursus Maktab Turus ABDB



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku tetamu kehormat majlis ketika menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang penerima.

TANAH JAMBU, Rabu, 25 November. - Seramai 39 pegawai tempatan dan antarabangsa telah berjaya menamatkan Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-16, Tahun 2026 dalam Majlis Penutup yang berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB), Tanah Jambu, di sini.

Kursus yang bermula pada 12 Januari 2026 ini disertai oleh 20 pegawai ABDB, seorang pegawai Kementerian Pertahanan, seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta 17 pegawai tentera antarabangsa yang mewakili 13 buah negara.

Dengan penyertaan keseluruhan daripada 14 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD), kursus ini menjadi platform bagi pertukaran pengetahuan, pengalaman dan pandangan profesional, di samping memperkukuh persefahaman serta kerjasama pertahanan antara negara-negara yang mengambil bahagian.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, yang menyempurnakan majlis penutup serta menyampaikan sijil kepada para graduan kursus.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Pesuruhjaya Polis PPDB, Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya - Pesuruhjaya Tinggi, Penasihat - Penasihat dan Atase-Atase Pertahanan, pengarah-pengarah, komandan-komandan, wakil Universiti Brunei Darussalam (UBD), serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Sebanyak empat anugerah pengiktirafan telah disampaikan kepada peserta kursus yang menunjukkan pencapaian cemerlang serta sumbangan yang membanggakan sepanjang mengikuti program tersebut.

Anugerah Overall Excellence dan Anugerah Kecemerlangan Akademik UBD (UBD Academic Excellence Award) telah dianugerahkan kepada Major Akshaj Chandel, Indian Army.

Sementara itu, Anugerah Kepujian ABDB (RBAF Commendation Award) telah disampaikan kepada Leftenan Komander Abu Qusyairi bin Haji Yacob, Tentera Laut Diraja Brunei, Markas Angkatan Bersama ABDB dan Anugerah Komandan telah diberikan kepada Mejar (U) Adieb bin Abd. Rahman, Tentera Udara Diraja Brunei.

Kursus Maktab Turus ABDB Ke-16 terus memperkukuh penambahbaikan akademik dan profesional yang telah diperkenalkan pada tahun sebelumnya, khususnya melalui kerjasama strategik bersama UBD dan pembangunan program Sarjana Pengajian Pertahanan dan Keselamatan (Master of Defence and Security Studies, MDSS).

Kerjasama ini mencerminkan komitmen berterusan AP ABDB dalam mempertingkatkan mutu pendidikan ketenteraan profesional dengan menggabungkan kecemerlangan akademik dan kepakaran ketenteraan secara praktikal bagi melahirkan pemimpin masa hadapan yang berkeupayaan menangani cabaran pertahanan dan keselamatan semasa.

Sepanjang kursus tersebut, para peserta telah mengikuti program pembelajaran yang komprehensif bagi memperkukuh kemahiran pemikiran kritis, analisis strategik, perancangan operasi, kepimpinan beretika dan komunikasi berkesan.

Kurikulum tersebut merangkumi bidang - bidang utama pendidikan profesional ketenteraan, termasuk Strategi, Dasar dan Doktrin; Pemerintahan, Kepimpinan dan Pengurusan; Peperangan Bersama serta Keupayaan Ketenteraan.

Selain pembelajaran akademik, kursus ini turut menyediakan pelbagai peluang kepada para peserta untuk terlibat dalam pertukaran pengetahuan dan pengalaman profesional, pembelajaran secara kolaboratif, lawatan sambil belajar di dalam dan di luar negara serta aktiviti sosial.

Penglibatan tersebut telah menyumbang kepada peningkatan persefahaman bersama, pengukuhan jaringan profesional dan pembentukan hubungan persahabatan yang berkekalan dalam kalangan pegawai tentera daripada pelbagai negara dan perkhidmatan.

Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Kursus Maktab Turus AP ABDB telah berjaya melahirkan seramai 519 orang graduan, termasuk 232 orang pegawai tentera antarabangsa.

Pencapaian ini mencerminkan sumbangan berterusan kursus tersebut dalam memperkasa pendidikan ketenteraan profesional serta memperkukuh hubungan pertahanan dan kerjasama erat antara negara-negara yang mengambil bahagian.



PEMERINTAH ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan semasa menyampaikan anugerah kepada penerima.

BMC RAIKAN ULANG TAHUN PENUBUHAN KE-20



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran); dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II hadir selaku tetamu-tetamu kehormat.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Rabu, 25 November. - Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) meraikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-20 menerusi majlis sambutan yang bertemakan '20 Tahun Kemajuan : Memacu Masa Depan Industri Hiliran Brunei' yang berlangsung petang tadi di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Sambutan berkenaan mencerminkan perjalanan dua dekad BMC dalam menjalin kerjasama, memajukan sektor perindustrian serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka; Setiausaha Tetap (Tenaga, Huluan dan Hiliran) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Adimasyaton binti Pengiran Haji Omar Ali; Pengerusi BMC, Masahiko Naito serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah BMC, pegawai-pegawai kanan kerajaan, rakan-rakan perniagaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi BMC, Masahiko Naito mengimbas kembali aspirasi bersama yang menjadi asas kepada penubuhan BMC, iaitu untuk menjana nilai tambah daripada sumber gas asli negara, di samping mewujudkan nilai ekonomi dan perindustrian jangka panjang bagi NBD.

Beliau turut menekankan kepentingan dan kekuatan kerjasama antara NBD, Mitsubishi Gas Chemical Company (MGC) dan ITOCHU Corporation, serta keyakinan daripada institusi kewangan antarabangsa dalam merealisasikan visi berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Jesús Enrique Mora Marín menekankan pengalaman operasi serta keupayaan yang telah dibangunkan oleh warga syarikat sepanjang dua dekad yang lalu.

Dalam melihat hala tuju syarikat pada masa hadapan, beliau menegaskan komitmen BMC untuk terus memastikan operasi yang selamat dan boleh dipercayai, memperkukuh keupayaan tenaga kerja dan teknikal, meningkatkan kecekapan serta produktiviti, membina daya tahan serta menerapkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam operasi dan proses membuat keputusan syarikat bagi menyokong pertumbuhan yang bertanggungjawab dan mampan.

Ucapan turut disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Abdurahman Abdul Aziz yang menyentuh mengenai sumbangan BMC terhadap ekonomi NBD serta pembangunan industri hiliran negara.

Mewakili para pemegang saham, Hideaki Akase daripada MGC turut mengiktiraf pencapaian BMC sepanjang dua dekad penubuhannya, di samping menghargai komitmen dan ketekunan yang menjadi pemangkin kepada kemajuan Syarikat.

Pada majlis berkenaan, tetamu-tetamu kehormat bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif BMC turut menyertai upacara memotong kek bagi menandakan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan Syarikat.

Atur cara majlis turut diserikan dengan pembentangan khas oleh Ketua Pegawai Eksekutif Methanol Institute (Global Methanol Alliance), Alexander Döll, yang berkongsi pandangan mengenai perkembangan landskap industri metanol global serta hala tuju masa depan industri berkenaan.

Sambutan diteruskan pada sebelah malam dengan Majlis Makan Malam Gala Emerald BMC yang bertemakan 'Celebrating 20 Years of Corporate Presence and Beyond'.

Majlis berkenaan menghimpunkan ahli-ahli lembaga pengarah, pihak pengurusan eksekutif serta warga kerja BMC dalam suasana penuh penghargaan dan kesyukuran bagi meraikan pencapaian syarikat sepanjang dua dekad penubuhannya.

Seiring dengan usaha melangkah ke arah masa depan selepas 20 tahun penubuhannya, BMC akan terus memberikan tumpuan kepada pelaksanaan operasi yang bertanggungjawab, memperkukuh keupayaan syarikat serta menjana nilai berkekalan demi menyokong perkembangan dan kemajuan industri hiliran NBD.

Memperkukuh perlindungan, pengiktirafan, potensi komersial kain tenunan



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian ketika sesi bergambar ramai pada bengkel tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Pejabat Peguam Negara, melalui Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) dan dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) telah mengadakan bengkel bertajuk 'Memperkukuh Kain Tenunan sebagai Produk Warisan Budaya Negara melalui Penjenamaan dan Harta Intelek' bertempat di Dewan Kuliah, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Peguam Negara dan Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, yang turut menyampaikan ucapan alu-aluan.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Kaunselor, Bahagian Asia dan Pasifik, Pertubuhan Harta Intelek Sedunia, WIPO, Seok Min Song.

Dalam menyampaikan ucapan, Yang Berhormat Peguam Negara menekankan kepentingan harta intelek dalam menyokong usaha memelihara dan mempromosikan kain tenunan sebagai sebahagian daripada warisan budaya Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan untuk meningkatkan para pengguna mengenali kain tenunan tempatan, serta menghargai kehalusan seni pertukangan dan nilai yang tersirat di sebalik setiap penghasilannya, di samping memastikan para penenun dan pengusaha tempatan memperoleh manfaat daripada pengiktirafan tersebut.

Yang Berhormat turut menggariskan kepentingan mengadakan perhubungan secara langsung bersama para penenun dan pengusaha bagi memahami dengan lebih mendalam cabaran yang dihadapi dan memastikan sebarang mekanisme perlindungan dan inisiatif penjenamaan yang dicadangkan dapat dilaksanakan secara praktikal, mudah diakses dan memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang berperanan dalam mengekalkan seni tenunan tersebut.

Bengkel tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif kerjasama antara Pejabat Peguam Negara dengan WIPO, yang disokong oleh Kementerian Harta Intelek Republik Korea melalui Funds-in-Trust of the Republic of Korea (FIT/RoK) IP Work Plan 2026-2027.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh perlindungan, pengiktirafan dan potensi komersial kain tenunan sebagai produk warisan budaya negara melalui penggunaan harta intelek, penjenamaan dan pembangunan pasaran secara strategik.

Salah satu fokus utama inisiatif berkenaan adalah untuk meneroka mekanisme perlindungan harta intelek yang bersesuaian, khususnya melalui kemungkinan penggunaan Cap Kolektif (Collective Marks) atau Cap Pensijilan (Certification Marks), bagi memastikan keaslian, kualiti dan identiti kain tenunan terpelihara.

Projek tersebut bertujuan untuk memperkasa para pengusaha seni kraf tempatan, khususnya penenun dan pengusaha, melalui peningkatan pengetahuan mengenai perlindungan harta intelek, penjenamaan serta peluang pengkomersialan.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta telah mengikuti pembentangan dan perbincangan interaktif yang dikendalikan oleh wakil-wakil WIPO dan pakar-pakar antarabangsa, yang merangkumi pelbagai aspek perlindungan harta intelek, strategi penjenamaan, piawaian kualiti dan penentuan kedudukan pasaran bagi produk warisan budaya.

Bengkel tersebut juga menyediakan platform bagi pihak-pihak berkepentingan untuk bertukar - tukar pandangan mengenai usaha memperkukuh identiti, perlindungan dan potensi pengkomersialan kain tenunan.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi, pengusaha tenunan tempatan, penenun tradisional, pengusaha serta pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

Melalui kerjasama ini, Pejabat Peguam Negara menegaskan semula komitmen Pejabat Peguam Negara dalam menggalakkan penggunaan harta intelek secara berkesan sebagai instrumen bagi memelihara warisan budaya NBD, memperkasa para seni kraf dan pengusaha tempatan serta menyokong pembangunan mampan industri tradisional dan kreatif negara.

HALUAN

>> Muka 2

Sehubungan dengan itu, tiga objektif utama yang perlu dibincangkan pada sesi hari ini ialah, Pertama, membina kefahaman bersama berasaskan bukti mengenai perubahan demografi yang sedang berlaku, cabaran dan peluang yang mungkin timbul, serta bidang-bidang yang perlu diperkukuh bagi meningkatkan kesiapsiagaan NBD. Kedua, kita perlu melihat isu penuaan secara menyeluruh dan merentas sektor. Penuaan berjaya *(successful ageing)* bukanlah tanggungjawab satu sektor sahaja, tetapi memerlukan pendekatan bersepadu yang merangkumi kesihatan, tenaga kerja, keluarga, perumahan, pengangkutan, teknologi, sokongan masyarakat dan perlindungan sosial. Ketiga, kita perlu menterjemahkan pandangan masa hadapan kepada hala tuju yang jelas. Ini termasuk mengenal pasti isu yang perlu ditangani lebih awal, menetapkan hasil yang ingin dicapai untuk rakyat, serta menentukan keutamaan, peranan dan sokongan yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan *roadmap* yang berkesan.

Dalam mempertimbangkan ketiga-tiga objektif ini, kita perlu berpandangan jauh namun kekal realistik dan praktikal. Kita perlu mengambil kira usaha yang telah menunjukkan hasil, mengenal pasti jurang dan cabaran yang masih wujud, serta memberikan tumpuan kepada langkah-langkah yang mampu membawa perubahan bermakna dalam jangka masa yang panjang.

Sebagai penutup, usaha menghadapi perubahan demografi perlu menjangkaui keperluan penduduk yang semakin menua, dengan memastikan setiap individu berpeluang meniti usia dengan sihat dan sejahtera, disokong oleh keluarga, masyarakat dan sistem negara yang kukuh serta berdaya tahan. Apa yang diharapkan adalah kefahaman dan hala tuju yang jelas dalam menetapkan keutamaan bagi penggubalan Pelan Hala Tuju Kebangsaan 10 Tahun Ke Arah Penuaan Berjaya (National 10 years Roadmap for Successful Ageing), ke arah membina masa hadapan yang lebih inklusif, sejahtera dan berdaya tahan bagi NBD.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PELITA BRUNEI

PELUANG MERASAI PENGALAMAN DIPLOMASI, KEPIMPINAN, PENGLIBATAN ANTARABANGSA





DAYANG Myra Rania binti Mohammad Ali terpilih sebagai Pesuruhjaya Tinggi Kanada Sehari (High Commissioner for a Day) sekali gus berpeluang merasai pengalaman diplomasi, kepimpinan dan penglibatan antarabangsa secara langsung (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam

BENGKURONG, Rabu, 25 November. - Dayang Myra Rania binti Mohammad Ali, pelajar berusia 17 tahun dari Politeknik Brunei telah terpilih sebagai Pesuruhjaya Tinggi Kanada Sehari (High Commissioner for a Day) sekali gus berpeluang merasai pengalaman diplomasi, kepimpinan dan penglibatan antarabangsa secara langsung.

Pemilihan Dayang Myra Rania merupakan sebahagian daripada inisiatif Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Hari Antarabangsa Kanak-kanak Perempuan, yang mengundang remaja perempuan berusia di bawah 18 tahun di negara ini untuk menyertai pertandingan menerusi video pendek yang menjelaskan sebab mengapa mereka layak dipilih bagi program berkenaan.

Inisiatif tersebut mendapat sambutan menggalakkan, dengan memperlihatkan kreativiti, cita-cita serta potensi kepimpinan dalam kalangan remaja perempuan. Daripada empat finalis yang disenarai pendek, Dayang Myra Rania dipilih atas keaslian idea, pemikiran yang bernas serta kemahiran beliau dalam berkomunikasi.

Sepanjang menjalani tugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi Sehari, beliau telah menyertai beberapa siri penglibatan diplomatik, termasuk pertemuan Town Hall bersama kakitangan Suruhanjaya Tinggi Kanada serta pertemuan bilateral (dua hala) bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Selain itu, Dayang Myra Rania turut menyampaikan lebih 170 helai baju-T kanak-kanak kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bagi pihak Suruhanjaya Tinggi Kanada, sebagai usaha memperkukuh penglibatan masyarakat serta hubungan erat antara rakyat Kanada dan Brunei yang telah lama terjalin.

Program berkenaan turut diserikan dengan Majlis Resepsi pada sebelah malam bersama para duta wanita dan Pesuruhjaya Tinggi ke NBD, yang membuka ruang dan platform kepada Dayang Myra Rania untuk bertukar pandangan mengenai diplomasi, kepimpinan dan aspirasi kerjaya.

Semasa menggalas tugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi Sehari, beliau juga berpeluang bertemu Dr. Auji Haziqah binti Haji Mustapa penerima biasiswa Kanada-ASEAN SEED, yang berkongsi pengalaman pengajiannya di Brock University serta membincangkan peranan pendidikan antarabangsa dalam membuka peluang akademik, profesional dan kepimpinan.

Mengulas pengalamannya, Dayang Myra Rania berkata, peluang berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Sehari merupakan satu penghormatan yang membolehkannya mempelajari lebih lanjut mengenai diplomasi, kepimpinan serta penglibatan masyarakat.

Beliau turut menyatakan bahawa pertemuan bersama para pemimpin yang menginspirasikan serta pengalaman menyaksikan sendiri tugas Suruhanjaya Tinggi telah mendorongnya untuk mengejar cita-cita dengan lebih yakin dan terus mencari peluang untuk memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy berkata, Hari Antarabangsa Kanak-kanak Perempuan merupakan peluang untuk mengiktiraf bakat, cita-cita dan potensi kepimpinan kanak-kanak perempuan di seluruh dunia.

Beliau berkata pihak Suruhanjaya Tinggi amat terinspirasi dengan penyertaan yang diterima serta remaja perempuan hebat yang mengambil bahagian dalam inisiatif berkenaan.

Melalui program Pesuruhjaya Tinggi Sehari, pihaknya berharap dapat menggalakkan remaja perempuan untuk terus mengejar cita-cita, mempercayai kemampuan diri serta melihat diri mereka sebagai pemimpin masa depan dalam masyarakat dan di peringkat lebih luas.

Inisiatif tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kanada dalam memajukan kesaksamaan gender serta memperkasa golongan remaja perempuan agar dapat mencapai potensi sepenuhnya.

Program berkenaan bukan sahaja meraikan pencapaian Dayang Myra Rania, malah turut mengiktiraf potensi, aspirasi dan harapan generasi muda perempuan di NBD untuk terus memainkan peranan dalam membentuk masa depan yang lebih inklusif dan berdaya maju.

7 pelajar terima Biasiswa Pendidikan Belia NBD-Republik Singapura



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa bergambar ramai bersama para pelajar pada Majlis Menandatangani Perjanjian dan Penganugerahan Skim Biasiswa Pendidikan Belia NBD - Republik Singapura Tahun Pengajian 2027.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. - Seramai tujuh orang pelajar menerima Biasiswa Pendidikan Belia Negara Brunei Darussalam (NBD) - Republik Singapura bagi mengikuti pengajian peringkat menengah di negara berkenaan mulai Januari 2027.

Majlis Menandatangani Perjanjian dan Penganugerahan Skim Biasiswa Pendidikan Belia NBD - Republik Singapura Tahun Pengajian 2027 tersebut diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa (JPB), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh.

Majlis disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa selaku Pengerusi Majlis, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi penandatanganan perjanjian bagi penerima anugerah biasiswa tersebut.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, manakala Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat menandatangani bagi pihak Kerajaan Republik Singapura.

Sementara itu, para penerima biasiswa telah menandatangani perjanjian tersebut bersama dua orang penjamin yang terdiri daripada ibu bapa, penjaga pelajar atau ahli keluarga terdekat.

Para penerima biasiswa terdiri daripada Awang Muhammad Safwan bin Mohammad Stephen dari St. Angela's School, Seria; dan Awang Muhammad Haris Fadillah bin Muhammed Faisal serta Awang Muhammad Taufeeq Shakur bin Mohammed Adi Hamree dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Ketiga-tiga pelajar berkenaan akan melanjutkan pengajian di Temasek Secondary School.

Turut menerima biasiswa ialah Awang Muhammad Azaim Furqan bin Azizull Fikri dari St. John's School, Kuala Belait yang akan menjalani pengajian di Dunman Secondary School.

Awang Mohamad Wa'izula'mirin bin Awang Haji Mohamad Shukri dari St. Andrew's School pula akan melanjutkan pengajian di Temasek Secondary School.

Dua lagi penerima ialah Liew Juen Hao@ Jayden Lee dari MSPSBS yang akan bersekolah di Dunman Secondary School dan Bryan Kong Pang Jie dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan yang akan mengikuti pengajian di Victoria School.

Majlis yang diselenggarakan oleh JPB tersebut diakhiri dengan penyampaian sijil penganugerahan biasiswa kepada semua penerima oleh tetamu kehormat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, ketua-ketua jabatan serta Pegawai - pegawai Kanan Kementerian Pendidikan, pemimpin - pemimpin sekolah juga ibu bapa dan penjaga pelajar.

HAYATI, AMALKAN FALSAFAH MIB DALAM KEHIDUPAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran) hadir selaku tetamu kehormat majlis.



PARA ahli panel Forum Daerah-Daerah sempena Majlis Ilmu 2026 bagi Daerah Tutong.

>> Muka 1

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2026; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN); Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan kerajaan; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta jemputan khas.

Forum yang dihadiri oleh hampir 500 orang itu membincangkan kepentingan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai panduan dan amalan dalam kehidupan seharian, khususnya dalam memperkukuh identiti, perpaduan dan jati diri masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Forum berkenaan menampilkan tiga orang ahli panel iaitu Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam; Penolong Profesor, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim; dan Pegawai Ugama, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Abdul Mu'iid bin Hariel.

Forum dikendalikan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Muhammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa selaku moderator.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Sesi forum turut disusuli dengan sesi soal jawab yang memberi peluang kepada para hadirin untuk mengemukakan pertanyaan serta mendapatkan penjelasan lanjut daripada ahli-ahli panel mengenai penghayatan dan pengamalan falsafah MIB dalam kehidupan seharian.

Penganjuran forum berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap falsafah MIB, selaras dengan tema Majlis Ilmu 2026, iaitu 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara'.

Melalui forum tersebut, masyarakat diharap akan lebih memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam mengamalkan nilai-nilai MIB, sekali gus memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan NBD.

Santuni anak yatim dengan keikhlasan, kasih sayang



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima (atas kanan dan atas).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Momin



KETUA Kampung Panchor, Awang Mohammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman ketika berucap.

TUTONG, Khamis, 26 November. - Majlis Perundingan Kampung Panchor, Tutong (MPKPT) malam tadi menganjurkan Majlis Menyantuni Anak Yatim bertempat di Dewan Solat Utama, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan sumbangan daripada orang ramai khususnya penduduk di sekitar Daerah Tutong dan pihak jemaah MHBPT kepada seramai 20 orang anak yatim di bawah tadahan Mukim Pekan Tutong.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Imam MHBPT, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof.



Seterusnya ucapan alu-aluan daripada Ketua Kampung Panchor, Awang Mohammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyentuh mengenai kemuliaan yang amat tinggi dalam menyantuni dan menyayangi anak yatim.

Menurut beliau, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Junjungan Besar kita sendiri telah membesar sebagai seorang anak yatim dan dalam beberapa hadis sahih menjelaskan keutamaan besar dalam menyantuni dan memelihara anak yatim, di antaranya kedudukan yang dekat dengan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di syurga kelak.

Beliau menambah bahawa majlis seumpama ini adalah untuk mengingatkan kita tentang perkara yang paling bernilai dalam hidup iaitu kasih sayang yang kita kongsikan dan tangan yang sentiasa menghulurkan bantuan dan sumbangan.

Terdahulu diadakan Solat Fardu Maghrib Berjemaah, bacaan tahlil dan ceramah bertajuk 'Menyantuni Anak Yatim' oleh penceramah undangan iaitu Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.



Ceramah beliau menggesa kita untuk benar-benar memahami apakah maksud menyantuni anak-anak yatim, yang bukan sekadar memberi bantuan berbentuk kewangan atau material, tetapi diiringi dengan keikhlasan dan kasih sayang.

Anak-anak yatim, tambahnya, hendaklah disantuni mengikut kehendak agama Islam dengan niat yang betul, semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengharapkan keredaan-Nya.

Di samping itu, dalam menyantuni mereka, katanya, kita perlu sentiasa menjaga kewajipan dan suruhan agama, bukan mengabaikannya dan sentiasa mensyukuri nikmat rezeki yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan.

Acara diteruskan dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis Menyantuni Anak-anak Yatim adalah bersempena Sambutan Jubli Intan MHBPT 60 Tahun.

Ia diadakan sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial komuniti terhadap anak-anak yatim di sekitar Mukim Pekan Tutong. Melaluinya juga dihasratkan untuk memupuk nilai kasih sayang dan semangat membantu golongan yang memerlukan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak penganjur dengan masyarakat setempat.

CERAMAH disampaikan oleh Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

PELITA BRUNEI

MENDUKUNG USAHAWAN TEMPATAN MELALUI PROMOSI PRODUK, PERKHIDMATAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian program berkenaan yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



>> Muka 1

Majlis Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku tetamu kehormat majlis, bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, petang tadi.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Antara objektif utama program berkenaan adalah untuk meningkatkan pendapatan pengusaha dan peniaga tempatan melalui peluang jualan serta promosi produk dan perkhidmatan.

Program berkenaan juga memberi ruang kepada pengusaha tempatan, termasuk pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), untuk memperkenalkan produk masing-masing, selain menarik penyertaan peminat motosikal dan komuniti permotoran dari dalam dan luar negara.

Pelbagai pengisian menarik disediakan sepanjang program berkenaan berlangsung, antaranya aktiviti perekonomian BCF Tour2026, penyertaan Majlis-majlis Perundingan Kampung Daerah Temburong, pameran jabatan- jabatan kerajaan dan Persatuan-persatuan Motosikal Negara Brunei Darussalam, persembahan pentas, walkaton, Green Jewel Ride, *glamping* serta aktiviti Tarik Kalat Santai.

Program 'Ke Temburong Bisai' Edisi BIBG 2026 x BCF Tour 3.0 berlangsung selama lima hari, bermula 25 hingga 29 November 2026, dari pukul 10.00 pagi, bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar.

Penganjuran program berkenaan diharap akan terus menggalakkan penglibatan masyarakat dan pengusaha tempatan, sekali gus mempromosi Daerah Temburong sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai daya tarikan tersendiri.

Perkukuh kerjasama kehakiman

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan delegasi peringkat tinggi dari Supreme People's Court (SPC) Republik Rakyat China, yang diketuai oleh Hakim dan Naib Presiden SPC China, The Honourable Mao Zhonghua dalam rangka Lawatan Kerja ke NBD baru-baru ini.

Delegasi tersebut terdiri daripada hakim kanan dan pegawai kehakiman dari SPC, the High People's Court of Beijing Municipality dan the High People's Court of Shanghai Municipality.

Dalam lawatan tersebut, delegasi dialu-alukan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon dan Ahli-ahli Mahkamah Besar NBD.

Program dimulakan dengan taklimat mengenai Badan Kehakiman Brunei, diikuti dengan makan tengah hari dan Mesyuarat Dua Hala antara Ketua Hakim Mahkamah Besar dan The Honourable Mao Zhonghua di Mahkamah Besar.

Mesyuarat Dua Hala tersebut memberi peluang kepada kedua-dua badan kehakiman untuk bertukar-tukar pandangan mengenai pengukuhan kerjasama kehakiman, berdasarkan Memorandum Persefahaman antara Mahkamah Besar NBD dan SPC Republik Rakyat China, yang diperbaharui pada Februari 2025.

Perbincangan meliputi beberapa bidang kepentingan bersama, termasuk penyelesaian pertikaian komersial antarabangsa, pengantaraan dan penyelesaian pertikaian alternatif, pentadbiran kehakiman, transformasi digital dan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan kehakiman. Kedua-dua pihak juga meneroka peluang untuk pertukaran kehakiman selanjutnya, pembangunan profesional dan program pembinaan kapasiti untuk hakim dan pegawai kehakiman.

Sebagai sebahagian daripada program lawatan tersebut, delegasi melawat Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) dan Mahkamah Syariah.

Lawatan ini memberikan delegasi pandangan lanjut tentang landskap undang-undang NBD, termasuk rangka kerja pengantaraan dan mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif, serta pentadbiran undang-undang syariah dalam sistem perundangan NBD.

Lawatan itu mengesahkan hubungan rapat antara kedua-dua badan kehakiman dan komitmen bersama untuk mengukuhkan kerjasama institusi melalui dialog berterusan, pertukaran pengalaman dan kerjasama dalam bidang kepentingan bersama.

Mahkamah Besar NBD menghargai hubungannya dengan SPC Republik Rakyat China dan berharap untuk membina rangka kerja kerjasama yang sedia ada.



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD bersama Hakim dan Naib Presiden SPC China, The Honourable Mao Zhonghua dalam rangka Lawatan Kerja ke NBD.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1.**'Gigi Sihat, Hidup Lebih Berkualiti'.** Tarikh Tutup **: 2 Disember 2026**
2.**'Pelancongan Tempatan, Kebanggaan Negara'.** Tarikh Tutup **: 9 Disember 2026**
3.**'Inovasi Hijau dalam Pengurusan Sisa Makanan'.** Tarikh Tutup **: 16 Disember 2026**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap**dan**nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMANTAPKAN KEFAHAMAN MENGENAI PELAKSANAAN IBADAT HAJI, UMRAH



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Muzakarah Haji Kali Ke-34 Tahun 1448 Hijrah / 2026 (kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Sesungguhnya, ibadat haji bukan sekadar menuntut kemampuan dari segi kewangan, bahkan turut menuntut pengorbanan yang besar dari segi masa, tenaga, kesabaran serta ketabahan jiwa.

Bakal jemaah haji perlu meninggalkan ahli keluarga, keselesaan kehidupan seharian dan tanah air tercinta semata-mata untuk menyahut seruan Allah Subhanahu Wata'ala dalam menyempurnakan rukun Islam yang kelima.

Justeru, bagi setiap individu yang berhasrat untuk menunaikan ibadat haji dan umrah, persediaan ilmu merupakan suatu keperluan yang amat penting. Mereka bukan sahaja perlu mengetahui, bahkan hendaklah memahami dan menghayati ilmu manasik haji dan umrah agar setiap rukun, wajib dan sunat-sunat haji dan umrah serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan dengan betul, teratur dan sempurna.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad selaku tetamu kehormat berucap sedemikian semasa Majlis Penutup Muzakarah Haji Kali Ke-34 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Jabatan Urusan Haji (JUH), KHEU bertempat di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Dar Al-Itqan, KHEU.

Dalam hal ini tambahnya, peranan guru-guru pengkursus dan pembimbing ibadat haji dan umrah yang dilantik amatlah besar dan signifikan. Mereka bukan sekadar bertindak sebagai penyampai ilmu, malah turut memikul amanah dan tanggungjawab untuk membimbing, mendidik serta memberikan kefahaman yang jelas kepada bakal jemaah haji.

"Keberkesanan penyampaian ilmu dan bimbingan yang diberikan adalah menjadi antara faktor penting dalam membantu bakal jemaah membuat persediaan yang rapi, seterusnya melaksanakan ibadat haji dan umrah dengan penuh keyakinan, tertib dan sempurna ketika berada di Tanah Suci nanti," ujarnya.

Seterusnya beliau menyarankan agar semua guru pengkursus ibadat haji dan umrah sentiasa memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap beberapa perkara penting dalam penyampaian kursus, antaranya, memberikan penekanan terhadap penghayatan ibadat ketika berada di Arafah dan Mina; memberikan pendedahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan di Arafah dan Mina; mempersiapkan bakal jemaah dari segi fizikal, mental, emosi, dan rohani; memberikan bimbingan doa dan zikir yang bersesuaian dan menyeragamkan kefahaman dan penyampaian hukum - hakam berkaitan permasalahan ibadat.

Dr. Awang Haji Mohammed Hussain berharap agar menjadikan ilmu dan pengetahuan yang diperoleh melalui muzakarah ini sebagai nilai tambah untuk memperluas serta memantapkan lagi kefahaman sedia ada mengenai hukum-hakam dan pelaksanaan ibadat haji dan umrah.

Selain itu tambahnya, mengaplikasikan dan menyebarluaskan ilmu yang diperoleh dengan berkongsi maklumat serta menyampaikan panduan yang tepat kepada para pelajar, bakal jemaah haji dan masyarakat awam, sesuai dengan bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Seterusnya, memanfaatkan platform muzakarah ini sebagai ruang untuk membina jaringan kerjasama, bertukar-tukar pandangan dan pendapat serta berkongsi pengalaman dan menyelaraskan pendekatan dalam penyampaian ilmu berkaitan ibadat haji dan umrah serta melahirkan generasi pelapis yang berilmu, berkemahiran dan berwibawa untuk meneruskan kesinambungan tugas sebagai guru pengkursus dan pembimbing ibadat haji dan umrah di masa akan datang.

Pada majlis berkenaan, turut diadakan pembentangan Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Haji Di Era Digital : Bijak Mencari Maklumat, Tepat Merujuk Ilmu' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abd. Muluk.

Pada sebelah pagi, seramai 128 peserta telah menghadiri Muzakarah Haji Kali Ke-34 yang terdiri daripada guru-guru pengkursus ibadat haji dan umrah; tenaga pengajar dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU; tenaga pembimbing saudara-saudara baharu (mualaf) dan daie-daie dari Pusat Da'wah Islamiah, KHEU; pegawai-pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU; mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) serta Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah; para peserta Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) serta pembimbing ugama daripada syarikat pengendali perkhidmatan Pakej Haji dan Umrah.

Sepanjang muzakarah tersebut, para peserta turut mengikuti pembentangan kertas-kertas kerja yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, yang mengupas secara terperinci isu hukum-hakam berkaitan manasik haji.

Pembentangan berkenaan bertujuan memberikan penjelasan serta memperkukuh kefahaman para peserta terhadap permasalahan hukum yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadat haji dan umrah.

Selain itu, muzakarah berkenaan turut memberikan pendedahan mengenai situasi dan perkembangan semasa di Tanah Suci, khususnya di Arafah dan Mina, termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan, jangkaan serta keperluan bakal jemaah haji ketika berada di Tanah Suci, dan dasar serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Muzakarah tersebut juga bertujuan memperjelas pengurusan haji Negara Brunei Darussalam, termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan keselesaan jemaah haji sepanjang menunaikan ibadat di Tanah Suci.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan KHEU serta pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus syarikat pengendali perkhidmatan haji dan umrah.

Karnival memperluas peluang belia, sokong pembangunan keusahawanan



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim semasa merasmikan Majlis Pelancaran YDC Carnival 2026.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 November. - Lebih 35 buah syarikat atau vendor, yang terdiri daripada para pengusaha belia dan peniaga tempatan menyertai Karnival Keusahawanan Pusat Pembangunan Belia (Youth Development Centre Carnival - YDC Carnival) 2026 yang berlangsung selama empat hari bermula 26 hingga 29 November 2026 bertempat di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Penganjuran YDC Carnival 2026 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB) untuk memperluas peluang kepada para belia dan usahawan tempatan menerusi platform *pop-up market*.

Platform ini bertujuan menyokong pembangunan keusahawanan, di samping memberi ruang kepada para usahawan untuk mengetengahkan produk dan perkhidmatan, berinteraksi dengan pelanggan serta meneroka peluang perniagaan.

Sebagai persediaan untuk menjayakan projek tahunan seperti YDC Carnival, para pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2026 telah mengikuti Kelas Asas Keusahawanan yang merangkumi pembelajaran mengenai asas perakaunan, pengurusan kewangan dan pengendalian perniagaan.

Majlis Pelancaran YDC Carnival 2026 telah dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim. Juga hadir, Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Pada karnival keusahawanan kali ini, pelatih PPB melalui Vigorous Youth Event Management, iaitu sebuah syarikat yang dikendalikan sendiri oleh para pelatih telah memberikan perkhidmatan pengurusan acara (*event management*) kepada vendor tempatan.

Inisiatif ini bertujuan untuk mempelbagaikan projek keusahawanan yang melibatkan para belia dan pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini, sekali gus menyediakan peluang untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menjadikan bidang pengurusan acara (*event management*) sebagai salah satu bidang pengkhususan (*niche*) yang berpotensi menjana pendapatan melalui penyediaan perkhidmatan berkualiti serta menarik minat para belia, khususnya mereka yang baru menceburi bidang keusahawanan untuk terus berdaya saing, di samping menggalakkan lebih ramai belia menceburi bidang tersebut.

Dalam konteks pembangunan ekonomi negara, pengukuhan PMKS merupakan antara elemen penting dalam membina ekosistem keusahawanan yang lebih produktif, berdaya tahan dan berdaya saing.

YDC Carnival 2026 berpotensi menyumbang kepada agenda tersebut dengan menyediakan platform yang menghubungkan usahawan, pengguna dan pihak berkepentingan, di samping menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan belia di negara ini.

Pelbagai jualan turut diadakan sepanjang karnival ini, termasuk makanan dan minuman, gerai jualan sementara (*pop-up vendors*), produk seni kreatif, aksesori dan pakaian (*apparel*).

Selain itu, pelbagai perkhidmatan dan aktiviti turut disediakan, antaranya perkhidmatan terapi kecantikan, jahitan dan sulaman (*embroidery*), penyelenggaraan dan pembaikan alat penyaman udara serta pembaikan paip.

Aktiviti lain termasuk pembuatan trek permainan kereta kawalan jauh (*remote control crawler*) menggunakan bahan teknikal, pertandingan Beyblade untuk orang ramai serta persembahan tausyeh dan nyanyian. Aktiviti-aktiviti tersebut turut mengetengahkan hasil produk dan kemahiran yang diperoleh melalui latihan para pelatih PPB.

Melalui YDC Carnival 2026, orang ramai berpeluang menyokong usahawan tempatan dengan mengenali, mendapatkan dan menggunakan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke karnival keusahawanan ini dari 26 hingga 29 November 2026, mulai pukul 4.00 petang hingga 10.00 malam di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

PELITA BRUNEI

25 PESERTA LAYAK KE PERINGKAT AKHIR MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. – Seramai 25 peserta daripada keseluruhan 72 peserta berjaya melayakkan diri ke Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah yang akan diadakan pada Januari 2027 nanti.

Kesemua peserta yang terpilih terdiri daripada lima peserta bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Keputusan tersebut diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah, Awang Haji Mohammad Hashim bin Haji Abdullah pada Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1448H yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderamata dan sijil kepada para peserta serta hakim musabaqah, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Haji Manan bin Haji Osman.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah berkenaan, diikuti dengan pengumuman keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah.

Terdahulu, musabaqah peringkat separuh akhir kebangsaan tersebut berlangsung selama tiga hari berturut-turut, bermula 23 hingga 25 November 2026, bertempat di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 7, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Antara objektif penganjuran musabaqah berkenaan adalah untuk menggalakkan umat Islam di negara ini agar terus mencintai Al-Quran melalui hafazan serta menjadikannya sebagai amalan harian, di samping menambah bilangan huffaz di Negara Brunei Darussalam.

Musabaqah tersebut juga bertujuan mendorong dan membantu para peserta serta orang ramai untuk memahami maksud yang terkandung dalam Al-Quran, termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid, di samping memperoleh pahala serta ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.





SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (atas dan bawah).

Manfaatkan medium penyebaran ilmu, mesej Islam secara kreatif, interaktif

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

BERAKAS, Khamis, 26 November. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah), pagi tadi mengadakan Majlis Apresiasi Program Pemantapan Da'ie: Memperkasa Da'wah Digital 1448 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Juga hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut serta pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua urus setia, Ketua-ketua Cawangan Da'wah Daerah, para peserta program, fasilitator, penolong fasilitator dan ahli-ahli jawatankuasa.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan, yang mewakili Pemangku Pengarah PDI.

Pengiran Norhayati dalam ucapan alu-aluannya menekankan bahawa perkembangan teknologi digital dan media sosial telah mengubah cara masyarakat, khususnya generasi muda, mendapatkan dan menerima maklumat.

"Platform seperti Instagram, TikTok dan YouTube bukan sahaja menjadi ruang hiburan, malah berpotensi besar untuk dimanfaatkan sebagai medium penyebaran ilmu dan mesej Islam secara kreatif, interaktif dan berkesan.

"Sehubungan itu, pendekatan dakwah perlu mengambil kira keadaan dan keperluan masyarakat serta memanfaatkan medium yang dekat dengan mereka," tambahnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa Program Pemantapan Da'ie : Memperkasa Da'wah Digital yang diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2026 di Dewan Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI, KHEU berkenaan telah disertai oleh seramai 30 orang da'ie, terdiri daripada 17 orang peserta lelaki dan 13 orang peserta perempuan.

Tambahnya, fasilitator bagi program tersebut ialah Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, KHEU, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Sepanjang tiga hari program, beliau menerangkan bahawa para peserta didedahkan kepada ilmu dan kemahiran dalam merancang, menghasilkan dan menyampaikan kandungan dakwah digital dan seterusnya menghasilkan video dakwah sendiri.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa majlis apresiasi berkenaan diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap komitmen, prestasi dan kreativiti yang ditunjukkan oleh para peserta.

Acara diteruskan dengan ucapan daripada wakil peserta program, diikuti dengan tayangan video Montaj Program Pemantapan Da'ie: Memperkasa Da'wah Digital.

Sejurus selepas itu, penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta, sijil penghargaan kepada para hakim, fasilitator dan penolong fasilitator, disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Anugerah turut disampaikan kepada para pemenang bagi Kategori Video Da'wah Terbaik, Anugerah Insentif Mesej Da'wah, Anugerah Insentif Penyampaian Berkesan dan Anugerah Insentif Video Terbaik.

Bagi Kategori Video Da'wah Terbaik, johan disandang oleh Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, diikuti dengan Dayangku Nabilah Busyra binti Pengiran Abdul Razak menduduki tempat kedua dan Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff di tempat ketiga.

Sementara Anugerah Insentif Mesej Da'wah dimenangi oleh Awang Abdul Khaliq bin Kamree; Anugerah Insentif Penyampaian Berkesan dimenangi oleh Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi; dan Anugerah Insentif Video Terbaik dimenangi oleh Dayang Zatul Adliah binti Haji Zaini.

Majlis diakhiri dengan bacaan dan Tasbih Kaffarah.

PDI, KHEU berharap agar usaha ini menjadi pemangkin kepada kesinambungan penyebaran dakwah yang lebih dinamik, relevan dan berimpak tinggi, selaras dengan perkembangan teknologi masa kini, sekali gus memperluas jangkauan mesej dakwah Islam dan menyumbang kepada pemartabatan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.





Jangan biarkan akaun bank kita menjadi alat jenayah

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Islam telah meletakkan panduan yang jelas dalam urusan muamalat yang menuntut setiap transaksi kewangan bebas daripada unsur riba, *gharar* (ketidakpastian) dan *maisir* (perjudian). Islam juga menuntut agar harta diperoleh, disimpan dan diuruskan dengan amanah demi memelihara hak semua pihak.

Kemajuan teknologi dalam perbankan hari ini merupakan antara nikmat Allah Subhanahu Wata'ala untuk memudahkan urusan kehidupan seharian kita. Kini, melalui telefon bimbit, kita dapat membayar bil dan elektrik, membeli barangan, memesan makanan serta memindahkan wang tanpa perlu keluar dari rumah.

Namun, dalam menikmati kemudahan tersebut, janganlah pula berasa leka sehingga mengabaikan aspek keselamatan wang simpanan dan akaun bank kita. Sungguhpun pihak perbankan sentiasa memperkukuh sistem kawalan serta menyediakan langkah keselamatan dan pemantauan, golongan penjenayah siber tetap mencari peluang untuk mendapatkan wang, maklumat perbankan atau akses kepada akaun mangsa.

Antara bentuk penipuan yang semakin berleluasa pada hari ini ialah sindiket penyalahgunaan akaun bank sebagai keldai akaun atau *Money Mule*. Keldai akaun ialah seseorang yang membenarkan akaun banknya digunakan oleh pihak lain untuk menerima, memindahkan atau mengeluarkan wang hasil kegiatan jenayah dan penipuan. Golongan belia, pelajar dan mereka yang sedang mencari pekerjaan sering menjadi sasaran, kebanyakannya melalui media sosial dan aplikasi pesanan.

Sebagai contoh, seseorang meminta agar wang dimasukkan ke dalam akaun kita. Kemudian, kita diminta untuk memindahkan wang tersebut ke dalam akaun lain dengan janji akan diberikan upah. Walaupun urusan ini mungkin kelihatan mudah dan menguntungkan, hakikatnya wang tersebut berkemungkinan besar berpunca daripada kegiatan penipuan. Tanpa disedari, akaun kita telah diperalatkan untuk membantu kegiatan jenayah.

Lebih membimbangkan apabila ada yang sanggup menyerahkan kad ATM, nombor pin dan akses perbankan dalam talian kepada orang lain. Perbuatan cuai ini membuka ruang seluas-luasnya kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengendalikan akaun tersebut bagi tujuan penipuan dan pengubahan wang haram.

Islam mendidik kita supaya mencari rezeki yang halal, memelihara hak sesama manusia serta menjauhi sebarang bentuk bantuan yang membawa kepada dosa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "*Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya*".

Melalui ayat ini kita diperingatkan agar sentiasa bijak dan berhati-hati dalam memberikan bantuan kepada orang lain. Membantu orang merupakan amalan yang baik. Namun, kita perlu memastikan bantuan tersebut tidak disalahgunakan untuk menipu, mengambil harta atau menzalimi orang lain. Apabila kita membenarkan akaun kita digunakan oleh sindiket demi upah, kita sebenarnya telah bertolong-tolongan dalam dosa dan permusuhan yang dilarang oleh ayat ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga memberi amaran keras terhadap perbuatan menipu sebagaimana sabda Baginda :

Maksudnya : "*Barang siapa yang menipu, maka dia bukan daripada golonganku*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Janganlah kerana mengharapkan upah atau untuk mendapatkan keuntungan yang singkat dan mudah, kita membenarkan akaun bank digunakan untuk kegiatan penipuan. Perbuatan ini boleh menyebabkan mangsa kehilangan wang simpanan. Wang itu mungkin hasil disimpan bertahun-tahun untuk keperluan keluarga, pendidikan anak-anak atau untuk rawatan perubatan. Justeru, itu peliharalah amanah agar kita tidak menjadi punca kesusahan orang lain.

Bagi mengelakkan diri kita daripada terjerat sebagai keldai akaun, marilah kita mengamalkan langkah-langkah keselamatan ini :

Pertama : Jangan benarkan orang lain mengendalikan akaun bank peribadi kita sesuka hati. Walaupun permintaan itu datang daripada ahli keluarga atau kenalan rapat, pastikan tujuan dan urusannya jelas. Jangan serahkan kawalan akaun kepada orang lain.

Kedua : Jangan menjual, menyewakan atau menyerahkan kad ATM, nombor pin dan akses perbankan dalam talian kepada mana-mana pihak. Peliharalah maklumat tersebut dengan sebaik-baiknya.

Ketiga : Jangan bersetuju menerima dan memindahkan wang bagi pihak orang yang tidak dikenali atau bagi urusan yang tidak jelas, ini termasuklah tawaran pekerjaan atau pendapatan mudah yang hanya memerlukan penggunaan akaun bank kita. Janganlah terpedaya dengan janji upah yang lumayan. Jika kita berasa ragu, maka dapatkan penjelasan daripada pihak bank terlebih dahulu.

Keempat : Tingkatkan pengetahuan tentang penipuan kewangan melalui sumber yang sahih. Rujuklah laman sesawang dan media sosial rasmi Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), institusi kewangan masing-masing serta agensi berkuasa yang berkaitan.

Kelima : Sekiranya kita mendapati akaun kita telah disalahgunakan atau kita telah terlanjur terlibat, segeralah menghubungi bank dan membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei. Tindakan segera dapat membantu menyekat kerugian mangsa dan melindungi diri kita.

Sesungguhnya penyalahgunaan akaun bank boleh membawa akibat yang serius. Wang simpanan boleh hilang. Akaun pula boleh dibekukan atau ditutup. Pemilik akaun juga boleh disiasat dan berdepan tindakan undang-undang sekiranya didapati terlibat atau bersubahat dalam kegiatan jenayah. Upah yang sedikit tidak berbaloi jika akhirnya kita kehilangan simpanan, menjejaskan nama baik dan menyusahkan keluarga. Ibu bapa dan penjaga juga hendaklah menasihati anak-anak supaya tidak sekali-kali meminjamkan, menyewakan atau menjual akaun bank mereka.

Marilah kita memelihara harta dan akaun bank sebagai amanah. Berusahalah mencari rezeki melalui jalan yang halal. Jangan sampai keinginan kita untuk mendapatkan sedikit upah menyebabkan kita mengabaikan amanah dan menzalimi orang lain.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi diri dan keluarga kita daripada penipuan, mengurniakan rezeki yang halal lagi berkat serta menetapkan hati kia untuk sentiasa berlaku jujur dan amanah. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasulnya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui*". (Surah Al-Anfal, ayat 27)

Memperkasa kemahiran profesional demi perkhidmatan berkualiti



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand Ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalemnon semasa berucap.

TANAH JAMBU, Khamis, 26 November. – Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini merasmikan Majlis Pembukaan Ujian Standard Kemahiran Kebangsaan bagi Bidang Masakan Thai Tahap 1 dan Tahap 2, bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Tanah Jambu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand Ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalemnon.

Tuan Yang Terutama Akrapong Chalemnon dalam ucapan alu-aluannya berkata, masakan Thailand merupakan cerminan indah budaya negara mereka dan ia menggambarkan kehalusan seni serta kearifan masyarakat tempatan Thailand melalui keunikan cita rasa dan kepelbagaian bahan masakan yang digunakan.

Selain itu, ujar Tuan Yang Terutama lagi, masakan Thailand turut memainkan peranan penting dalam ekonomi negara, khususnya dalam menjana pendapatan melalui perniagaan restoran Thailand serta eksport produk makanan ke seluruh dunia.

TYT seterusnya mengongsikan bahawa ujian yang diadakan pada hari ini merupakan manifestasi sebenar dedikasi dan komitmen para tenaga kerja Thailand.

Ia juga mencerminkan kesungguhan mereka untuk terus meningkatkan kemahiran sehingga mencapai tahap profesional, sekali gus membina keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan setiap pelanggan yang menerima perkhidmatan mereka.

TYT dalam ucapannya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan NBD atas kesudian menyediakan tempat serta memberikan sokongan bagi menjayakan acara berkenaan.

Kerjasama ini kata TYT lagi, jelas mencerminkan hubungan erat dan persahabatan yang amat baik antara kedua-dua buah negara.

TUAN Yang Terutama Akrapong Chalemnon ketika meninjau pusat berkenaan bagi memastikan ujian tersebut berjalan dengan lancar.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Ujian Standard Kemahiran Kebangsaan bagi Bidang Masakan Thai Tahap 1 dan Tahap 2 berlangsung selama tiga hari bermula 26 hingga 28 November 2026 ini.

Juga hadir, Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.



PELITA BRUNEI

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
17 JAMADILAKHIR 1448 / 27 NOVEMBER 2026

JANGAN BIARKAN AKAUN BANK KITA MENJADI ALAT JENAYAH

JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KENALI KELDAI AKAUN

Keldai akaun ialah seseorang yang membenarkan akaun bank miliknya digunakan oleh pihak lain untuk menerima, memindahkan atau mengeluarkan wang hasil kegiatan jenayah dan penipuan.

BAGAIMANA AKAUN KITA DISALAHGUNAKAN?

Seseorang meminta wang dimasukkan ke dalam akaun kita.

Kita diminta untuk memindahkan wang tersebut ke akaun lain dengan janji akan diberikan upah.

Tanpa disedari, akaun kita telah digunakan untuk membantu urusan jenayah.

Rasulullah SAW memberi amaran keras terhadap perbuatan menipu sebagaimana sabda baginda:

مَنْ غَشَّ فَلَيْس مِنّي

Maksudnya: Barang siapa yang menipu, maka dia bukan daripada golonganku.

Hadis riwayat Imam Muslim

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN:

Pertama: Jangan benarkan orang lain mengendalikan akaun bank peribadi kita sesuka hati.

Kedua: Jangan menjual, menyewakan atau menyerahkan kad ATM, nombor PIN dan akses perbankan dalam talian kepada mana-mana pihak.

Ketiga: Jangan bersetuju menerima dan memindahkan wang bagi pihak orang yang tidak dikenali atau bagi urusan yang tidak jelas.

Keempat: Tingkatkan pengetahuan tentang penipuan kewangan melalui sumber yang sahih.

Kelima: Sekiranya kita mendapati akaun kita telah disalahgunakan atau telah terlanjur terlibat, segeralah menghubungi bank dan membuat laporan.

AKIBAT PENYALAHGUNAAN AKAUN BANK

Wang simpanan boleh hilang.

Akaun pula boleh dibekukan atau ditutup.

Pemilik akaun juga boleh disiasat dan berdepan tindakan undang-undang sekiranya didapati terlibat atau bersubahat dalam kegiatan jenayah.

Menjejaskan nama baik dan menyusahkan keluarga.

SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN KHUTBAH JUMAAT YANG LENGKAP DAN UNTUK MENGIKUTI CHANNEL WHATSAPP KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KHUTBAH JUMAAT

CHANNEL WHATSAPP

UNIT KHUTBAH, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

UNISSA JELAJAH POTENSI KOLABORASI DI REPUBLIK TÜRKIYE

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

ISTANBUL, REPUBLIK TÜRK YE, Rabu, 25 November. - Dalam usaha memperluas jaringan strategik antarabangsa dan meneroka potensi kerjasama dalam pelbagai bidang keilmuan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan siri lawatan kerja selama dua hari iaitu pada 23 dan 24 November 2026 ke tiga buah universiti dan sebuah institusi penyelidikan antarabangsa di Istanbul, Republik Türkiye.

Delegasi UNISSA yang diketuai oleh Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, yang disertai oleh Pendaftar UNISSA, Dayang Zalinawati binti Awang Haji Mohaimin dan Ketua Program Pra-Siswazah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA, Dr. Amni Suhailah binti Abarahan telah mengadakan lawatan ke Istanbul Sabahattin Zaim University (ZÜ), Marmara University, Ibn Haldun University (IHU) dan Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA).

Siri lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif strategik UNISSA dalam memperkasakan agenda pengantarabangsaan universiti melalui penerokaan peluang kerjasama baharu, pengukuhan hubungan institusi sedia ada serta pemanfaatan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai ke arah pelaksanaan program dan aktiviti yang memberikan manfaat bersama.

Dalam lawatan ke ZÜ, tumpuan perbincangan difokuskan kepada penerokaan potensi kerjasama dalam pelbagai bidang berlandaskan Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai pada 1 Februari 2025 dan berkuatkuasa sehingga 31 Januari 2030.

Antara potensi kerjasama yang diketengahkan termasuklah pelaksanaan program mobiliti mahasiswa secara dua hala menerusi Study Abroad Programme (SAP) dan Student Exchange Programme (SEP), dan penerokaan kerjasama program dua ijazah (Dual Degree Programme).

Sementara itu, lawatan ke Marmara University yang merupakan kunjungan julung kalinya delegasi UNISSA ke universiti berkenaan, membuka jalan kepada penerokaan jaringan kerjasama akademik baharu antara kedua-dua buah universiti dengan mengenali secara lebih dekat latar belakang, kekuatan akademik dan bidang kepakaran universiti masing-masing.

Dalam lawatan ke IHU pula yang merupakan lawatan pertama Rektor UNISSA ke universiti berkenaan sejak pelantikan beliau pada 1 Ogos 2026, memberi penekanan kepada penerokaan peluang kerjasama yang dapat direalisasikan melalui MoU yang telah dimeterai pada 16 September 2025 dan berkuat kuasa sehingga 15 September 2030.

Antara potensi kerjasama yang diketengahkan termasuklah pelaksanaan program mobiliti mahasiswa prasiswazah secara dua hala menerusi SAP dan SEP, penyeliaan bersama (Joint Supervision) bagi mahasiswa di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD), serta penerokaan kemungkinan pelaksanaan program dua ijazah (Dual Degree Programme) dalam bidang pengajian yang bersesuaian.



REKTOR UNISSA, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani mengetuai delegasi UNISSA ketika siri lawatan kerja selama dua hari iaitu pada 23 dan 24 November 2026, ke tiga buah universiti dan sebuah institusi penyelidikan antarabangsa di Istanbul, Republik Türkiye.

Delegasi UNISSA turut mengadakan lawatan ke IRCICA, sebuah institusi di bawah naungan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang memberikan tumpuan kepada bidang sejarah, kesenian, kebudayaan dan ketamadunan Islam. Lawatan tersebut bertujuan meneroka potensi kerjasama dalam bidang perkongsian ilmu dan kepakaran dan penganjuran kegiatan ilmiah dalam seni kaligrafi Islam.

Dalam siri perjumpaan berasingan, Rektor UNISSA juga telah berkesempatan untuk bertemu dengan Rektor Universiti Zaitunah, Tunisia, Profesor Mohammed Rizqi, sebuah universiti yang mempunyai akar sejarah keilmuan Islam yang panjang, khususnya dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab.

Perjumpaan tersebut membuka ruang ke arah jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua buah universiti dalam memperkukuh peranan masing-masing dalam pengembangan ilmu dan pembinaan peradaban ummah.

Secara keseluruhannya, siri jelajah tersebut mencerminkan pendekatan proaktif UNISSA dalam mengenal pasti peluang kerjasama yang mempunyai nilai strategik kepada pembangunan universiti, khususnya dalam aspek pengembangan akademik, mobiliti mahasiswa, penyelidikan, perkongsian kepakaran dan pemeliharaan warisan keilmuan Islam.

UNISSA memberikan penekanan bukan sahaja kepada peluasan jaringan kerjasama antarabangsa, bahkan kepada usaha menterjemahkan potensi kerjasama tersebut kepada program dan aktiviti yang konkrit, produktif, berimpak dan mampan.

Melalui siri jelajah ini, UNISSA berharap dapat membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada mahasiswa serta ahli akademik untuk memperoleh pengalaman, memperluas ufuk keilmuan dan membina jaringan profesional di peringkat antarabangsa, sekali gus memperkukuh kedudukan UNISSA sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam yang berdaya saing di persada global.

Dr. Akita Yuki terima penghargaan pengiktirafan sumbangan



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka menyampaikan sijil penghargaan kepada Dr. Akita Yuki.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

SUNGAI TILONG, Rabu, 25 November. - Dr. Akita Yuki menerima penghargaan daripada Menteri Luar Negeri Jepun sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian beliau dalam mempromosikan pendidikan bahasa Jepun serta memperkukuh hubungan persahabatan antara Jepun dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis penyampaian penghargaan berkenaan berlangsung di kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka, hari ini.

Pada majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka menyampaikan sijil penghargaan kepada Dr. Akita Yuki sebagai tanda pengiktirafan terhadap usaha dan komitmen beliau dalam memajukan pendidikan bahasa Jepun di negara ini.

Dr. Akita Yuki telah berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Bahasa Jepun di Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD), sejak tahun 2014. Beliau juga merupakan satu-satunya warga Jepun yang mengajar bahasa Jepun di negara ini dan mengendalikan pengajaran kepada kira-kira 100 pelajar tempatan setiap tahun.

Selain itu, selaras dengan inisiatif Kementerian Pendidikan, NBD untuk memperkenalkan bahasa Jepun sebagai mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah mulai tahun 2025, Dr. Akita Yuki turut memainkan peranan aktif dalam membimbing guru-guru tempatan serta membangunkan kurikulum bagi mata pelajaran berkenaan.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, wakil UBD, serta rakan sekerja dan para pelajar Dr. Akita Yuki.

Penghargaan Menteri Luar Negeri Jepun dianugerahkan kepada individu dan kumpulan yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang antarabangsa sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam mempromosikan hubungan persahabatan antara Jepun dengan negara-negara lain.

Penghargaan berkenaan juga bertujuan meningkatkan kefahaman serta sokongan masyarakat Jepun terhadap kegiatan dan sumbangan para penerima penghargaan.



MENGGALAKKAN USAHAWAN TEMPATAN DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Jumaat, 27 November. - Perusahaan tempatan di Daerah Belait kini berpeluang memperluas capaian kepada pelanggan baharu serta mengembangkan pasaran masing-masing apabila Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) buat julung kalinya membawa Festival Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Brunei ke daerah berkenaan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen BEDB dalam memperluas peluang pembangunan perusahaan ke seluruh negara, memperkukuh keusahawanan tempatan serta menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis perasmian festival berkenaan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat, di majlis yang berlangsung di V Plaza Hotel, hari ini.

Berlangsung selama tiga hari, mulai 27 hingga 29 November 2026, bertempat di Menara Cendera Kenangan, Kuala Belait, festival tersebut menghimpunkan lebih 70 buah perniagaan dan organisasi menerusi lebih 80 ruang pameran.

Festival berkenaan menampilkan pelbagai produk dan perkhidmatan tempatan, termasuk makanan dan minuman, fesyen dan aksesori, produk kecantikan dan kesejahteraan, serta jenama dan perkhidmatan kreatif.

Festival berkenaan juga menyediakan platform kepada para perusahaan dari seluruh negara untuk menembusi segmen pelanggan baharu serta meneroka peluang perniagaan di daerah yang berbeza.

Bagi perusahaan yang berpangkalan di Daerah Belait, festival tersebut menawarkan peluang untuk memperluas pendedahan pasaran melangkaui kelompok pelanggan yang sedia ada.

Dalam masa yang sama, perusahaan dari daerah lain juga berpeluang memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka kepada para pengguna di Daerah Belait.

Selain membuka peluang jualan secara langsung, festival ini turut menggalakkan interaksi antara para pengusaha dengan pengguna, sekali gus membolehkan usahawan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai cita rasa pasaran, mendapatkan maklum balas serta mengenal pasti peluang untuk menambah baik penawaran produk dan perkhidmatan mereka.

Dalam ucapan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Awang Abdurahman Abdul Aziz, menegaskan bahawa nilai penganjuran festival berkenaan bukan hanya tertumpu kepada peluang jualan dalam jangka masa pendek.

"Membawa Festival PMKS Brunei ke Daerah Belait merupakan satu langkah penting dalam memastikan peluang pembangunan perusahaan dapat diakses dengan lebih mudah oleh perniagaan di seluruh negara. Selain menyediakan platform pasaran bagi para usahawan, festival ini turut membuka ruang untuk memahami keperluan pelanggan, memperkukuh jaringan perniagaan serta meneroka pasaran baharu.



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis perasmian festival berkenaan.

"Kami mahu PMKS melihat peluang yang ditawarkan bukan hanya sepanjang festival ini, malah menjadikannya sebagai dorongan untuk terus menambah baik produk dan perkhidmatan, memperkukuh keupayaan perniagaan serta membina keyakinan untuk menembusi pasaran pelanggan baharu.

"BEDB, bersama agensi-agensi rakan kerjasama, akan terus komited dalam menyokong perusahaan tempatan agar menjadi lebih berdaya saing, berdaya tahan dan mampan," jelasnya.

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2019, Festival PMKS Brunei telah berkembang menjadi salah satu inisiatif unggul BEDB dalam menyokong pertumbuhan PMKS dengan menyediakan platform bagi mengetengahkan produk dan perkhidmatan tempatan, berinteraksi dengan para pengguna serta meneroka peluang pasaran baharu.

>> Muka 27

Tingkatkan kesedaran penuntut mengenai konflik manusia, buaya



SESI bergambar ramai pada program berkenaan yang berlangsung di di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab

BRUNEI MUARA, Rabu, 25 November. - Kesedaran mengenai risiko konflik antara manusia dan buaya, khususnya ketika berada di kawasan perairan dan habitat buaya, terus diperkukuh melalui Program Kesedaran Hidupan Liar yang diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA).

Program anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, SMSUA dengan kerjasama Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri itu bertujuan meningkatkan pengetahuan, kewaspadaan serta pemahaman para penuntut mengenai isu konflik manusia dan buaya di Negara Brunei Darussalam, termasuk langkah-langkah keselamatan bagi menghindari risiko serangan.

Hadir menyampaikan taklimat ialah Ketua Seksyen Pengurusan, Bahagian Hidupan Liar di Jabatan Perhutanan, Awang Haji Mohd. Jeffrey Haji Mohd. Sunnylai, bersama tiga pegawai bahagian berkenaan iaitu Awang Gapar Haji Ghani, Awang Md. Shahri bin Haji Murah dan Awang Suhaili bin Salleh.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengetua SMSUA, Dayang Hajah Rosiah binti Haji Gharif menzahirkan penghargaan kepada Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan atas kesudian berkongsi ilmu, pengalaman dan maklumat yang penting dalam membentuk kesedaran warga sekolah terhadap keselamatan ketika berhadapan dengan hidupan liar.

Dayang Hajah Rosiah menekankan bahawa pengetahuan mengenai risiko konflik manusia dan buaya amat penting, khususnya bagi memastikan para penuntut lebih berhati-hati ketika berada di kawasan yang diketahui sebagai habitat buaya, selain memahami tindakan sewajarnya bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Para penuntut juga diseru supaya memberikan perhatian sepenuhnya sepanjang taklimat, mengambil peluang untuk bertanya serta menyebarluaskan ilmu yang diperoleh kepada keluarga dan masyarakat, agar kesedaran mengenai keselamatan berhadapan hidupan liar dapat dipupuk secara lebih meluas.

Taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Jeffrey turut memberikan pendedahan mengenai isu konflik manusia dan buaya serta kepentingan meningkatkan kewaspadaan ketika berada di kawasan perairan yang berpotensi menjadi habitat haiwan berkenaan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada wakil Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, sebelum diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Program berkenaan diharap dapat memperkukuh pengetahuan dan kesedaran para penuntut mengenai keselamatan diri, di samping memupuk sikap bertanggungjawab serta menghormati habitat hidupan liar demi mengurangkan risiko konflik antara manusia dan alam semula jadi.

Membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian



PEGAWAI Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei III, Bahagian Sekolah Ugama, JPI, KHEU, Awang Muhammad Fauzi bin Haji Zaini menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. – Program Satu Minggu Satu Juzuk (1M1J) yang diperkenalkan di persekolahan ugama sejak 2016 merupakan antara inisiatif berterusan Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memantapkan penguasaan bacaan Al-Quran dalam kalangan murid, di samping membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian.

Usaha tersebut turut mencerminkan komitmen berterusan JPI dalam menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan generasi yang celik Al-Quran.

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam mengungkayahkan Majlis Khatam Al-Quran Program 1M1J bagi meraikan seramai 74 murid sekolah berkenaan yang telah berjaya menyempurnakan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Majlis diadakan di dewan serbaguna sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei III, Bahagian Sekolah Ugama, JPI, KHEU, Awang Muhammad Fauzi bin Haji Zaini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Adam Ukaasya Al-Hamidi bin Mohammad Ali.

Seramai 74 murid yang terdiri daripada 40 murid lelaki dan 34 murid perempuan menerima sijil khatam yang disampaikan oleh tetamu khas majlis, dengan iringan Dikir Marhaban yang dipersembahkan oleh guru-guru lelaki sekolah berkenaan, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Mohd. Rafie bin Haji Abdullah, tenaga pengajar sekolah tersebut.

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(17) NDMC / TSH / 2025-2026
Removal And Relocation Of Existing Wall-Mounted TV Screen, Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of A New Indoor LED Display System

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada **Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

JPt / SH / 63(A) / 2026-2027
To Perform Service Preventive Maintenance For Microscope And Absorbance Microplate Reader & Washer In Veterinary Laboratory Services

JPt / SH / 101 / 2026-2027
Membersih
Sungai Belaling Di KKP Wasan, Daerah Brunei Muara

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pertanian (Sayur-Sayuran) 3.0 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Selangan, Daerah Temburong

Bilangan Tawaran:
20 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Selangan
Daerah Temburong

No Lot:
Lot A2

Keluasan:
3.0 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman Sayur-sayuran Pengeluaran Lada Thailand menggunakan teknologi tinggi / Moden Greenhouse / Fertigasi / IOT)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh mula iklan:
Isnin,
23 November 2026

Tarikh berakhir iklan:
Isnin,
21 Disember 2026

Tarikh akhir menghantar:
Isnin,
18 Januari 2027
Sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 159 / 26 - 27
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning And Training Of Network Infrastructure At RTB New HQ Building, Beribi (Former Job Centre Building)

Bayaran Yuran (termasuk e-dokumen):
BND5.00
(idak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Information Day:
Khamis,
26 November 2026
(Hanya dibukakan kepada yang telah membeli tawaran sahaja)

Tarikh Tutup:
Rabu, 9 Disember 2026,
jam 2.00 Petang

JPt / SH / 102 / 2026-2027
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Di Stesen Kemajuan Pertanian Daerah Tutong, Kampong Birau Untuk Tempoh Satu (1) Tahun.

JPt / SH / 103 / 2026-2027
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bangunan Mulaut Dan Lampaki Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
24 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Sebut Harga

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
JBBSB / SH / 2026-2027 / 36 / SPA / 19
Refurbishment Of Existing Pasar Gadong Signage, Inlcude Steel Frame Repairs, Replacement Of Signage Panels And Lettering And Installation Of LED Spotlights At Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 3 Disember 2026,
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi di:
Unit Pemuliharaan Aset,
Seksyen Penyelenggaraan Aset,
Diperoleh Dari Di Tingkat 3,
Bangunan Blok 1 (B1),
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118,
Bandar Seri Begawan.

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBBSB / SH / 2026-2027 / 32 / ADMIN / 03
Insurans Berkelompok Perlindungan Diri Bagi Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Rabu,
2 Disember 2026,
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dari:
Kaunter Perkhidmatan,
Bahagian Pentadbiran,
Tingkat 4,
Jabatan Bandaran,
Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JBBSB / SH / 2026-2027 / 33 / SPPP / 06
Interim Janitorial Services And Grass Cutting For Bangunan Pasar Gadong and Its Surrounding Areas

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
Minimum S01 dan S02

Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
3 Disember 2026,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(155) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Memohon Sebut Harga Untuk Membekalkan Baju Bagi Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama Bagi Tahun 2026 / 2027

Yuran:
Dikenakan Bayaran BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
30 November 2026,
Jam 8.00 Pagi

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPH / 003 / SH2596 / 2026-2027
To Supply, Deliver And Install Air-Conditioning At The Brunei National Herbaroum Sungai Liang, Forestry Department, Ministry Of Economy, Trade And Industry

Syarat:
Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam Kelas I Ke Atas Dan Kategori M01 Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara.

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00
Borang Sebut Harga: BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026,
2.00 Petang

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
41 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)
Sebut Harga Bagi Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Muzium Daerah Belait & Taman Warisan Tasek Merimbun, Tutong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
40 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
37 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi General Building Term Maintenance For Period Of Thirty-Six (36) Months For Muzium Daerah Kuala Belait & Taman Warisan Tasek Merimbun Daerah Tutong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
11 / 2026 / KKBS / PPB / 12
Kontrak 24 Bulan Bagi Pembekalan Coverall, Chef Uniform Dan Safety Shoes Pelatih-Pelatih Program Latihan Kemahiran Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Syarat-Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01-10 / 2026-2027
12 Months Term Contract For Electrical Maintenance At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Jamadilakhir 1448H /
8 Disember 2026M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Syarat- Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 02-10 / 2026-2027
24 Months Term Contract For Rubbish Collection Services At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
22 Jamadilakhir 1448H /
2 Disember 2026M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPH / 001 / SH / 2593 / 2026 - 2027
Membekalkan Pelan Insurans / Takaful Berkelompok Bagi Pegawai Dan Kakitangan Bahagian Ameniti dan Perkhidmatan Perhutanan, Bahagian Hidupan Liar dan Seksyen Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Perhutanan

Tarikh Tutup:
Khamis,
10 Disember 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Secara Terbuka

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 26
Penyediaan Perkhidmatan Penginapan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Di Sepanjang Persidangan Mesyuarat Pertama Dan Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-23 Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2027.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 28
Pembekalan Perkhidmatan Jamuan Secara Kontrak Selama Satu (01) Tahun Bagi Mesyuarat Pertama Dan Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-23 Majlis Mesyuarat Negara Dan Raptai, Majlis-Majlis, Mesyuarat-Mesyuarat, Kunjungan Hormat Dan Lawatan Bagi Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Tahun 2027 Hingga 2028

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
7 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q25
Invitation To Supply, Install, Configure And Testing Of Barracuda Backup Server License Renewal For 1 Year, Ministry Of Development

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q26
Invitation To Supply And Delivery Of Warranty Extension For Dell Server For Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
30 November 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
17 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
21 Disember 2026
Jam sebelum 9.00 Pagi

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU / RPK / TA / 1005
Permohonan Pembelian Rak Senjata Termasuk Pemasangan Bagi Kegunaan Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 8 Disember 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / AF / TA / 1001
Pembelian Padlock, Rantai Besi Dan Peti Kunci Bagi Kegunaan Unit-Unit Di Bawah Tentera Udara Diraja Brunei.

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 8 Disember 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
29 / JPB / SH / 2026
Term Contract 12 Months For Janitorial Cleaning At Ibu Pejabat Dan Pusat Latihan, Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang

Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran

Isnin – Khamis
8.00 Pagi Hingga
11.30 Pagi

Sabtu
8.00 Pagi Hingga
10.00 Pagi

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Kategori Dan Kelas Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 16 November 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin, 30 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 1 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2026-09-01

Tajuk Projek :
Term Contract [24 Months] For Maintenance Work Of Decorative Light And Street Lighting Along Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Edinburgh Bridge To The Roundabout Of Jalan Mc Arthur In Front Of Energy Hub Building, Bandar Seri Begawan – Retender I [KHEDN / LTK / 2026-09-01].

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 17

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk:
Permohonan Cadangan Tawaran Pengurusan Dan Pengendalian Bagi Gerai Ramadan 1448H / 2027M

Bilangan Tawaran:
JBKBS / GR / TI / 2027 (2026-2)

Tarikh Tawaran Dibuka:
Sabtu - 21 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa - 8 Disember 2026
(Jam 11.30 Pagi)

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Perform Cleaning, Flushing And Restoration Of Existing Sumps And Seawater Intake Pipeline System At Meragang Site

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 10 Disember 2026
Tidak lewat dari Jam 2.00 Petang
(Lewat diterima tidak akan dilayan)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Maktab / Sekolah / Asrama Pejabat / Perumahan Bagi Daerah Brunei Muara

DA / JKSH / 152 / 2026 / 2027 [UPPK-NOV-2026]
BM Zon 19 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Untuk 36 Bulan Bagi :
1. Sekolah Rendah Lumapas
2. Sekolah Menengah Awang Semaun
3. Flat Kelas F, Blok F1 & F2 Awang Semaun (6+6 Unit)
4. Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Sungai Kebun
5. Pusat Kerjasama Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar (STEP)
6. Akademi Kepimpinan Dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA)
7. Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab
8. Sekolah Rendah Kasat
9. Sekolah Rendah Putat

Daerah Brunei Muara.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,12 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan)
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	**PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT I** JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/NOV/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	04	7(A)	05 DISEMBER 2026
2.	**PENGAWAS PEMELIHARAAN MESIN** DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	05 DISEMBER 2026
3.	**PENOLONG PENGARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA** JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA KEMENTERIAN PERTAHANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/NOV/01/KPTH/SPA	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	07 DISEMBER 2026
4.	**JURURAWAT (BIDANG KEJURURAWATAN AM / PERBIDANAN)** JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.7-8 EB.9 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/06/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	88	7(A)	07 DISEMBER 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
20 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Membekal, Membuka Dan Mengganti Baharu Pendingin Hawa Di Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan McKerron Kuala Belait Dan Rumah Persinggahan Kerajaan, Jalan Maulana Kuala Belait

Kategori:
B01 / M01 / E01

Kelas:
I / II

Bilangan Tawaran:
21 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Mengganti Baharu Karpet Lantai Yang Rosak Serta Pemasangan Tabir Baharu Dan Pelekat Pada Cermin Jendela, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Di Jalan McKerron, Kuala Belait

Kategori:
P01

Kelas:
I / II

Bilangan Tawaran:
22 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Bengkel Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Lorong Setia Di-Raja Kuala Belait

Kategori:
B01 / E01

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 Disember 2026

سوروهنجاي ڤرسائڠن بروني دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

KENALI AKTA PERSAINGAN BRUNEI · BIL. 1

Apa Itu Akta Persaingan?

Suatu Akta bagi menggalakkan dan melindungi persaingan dalam pasaran di Negara Brunei Darussalam, serta memajukan kecekapan ekonomi, pembangunan ekonomi dan kebajikan pengguna. Akta ini memastikan pasaran kekal adil, dengan peniaga bersaing dari segi harga, kualiti dan perkhidmatan, bukan melalui amalan anti-persaingan.

TERDAPAT TIGA (3) LARANGAN UTAMA:

BAB 11

PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN

Perjanjian antara para peniaga untuk menetapkan harga, menghadkan bekalan atau membahagikan pasaran

BAB 21

PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

Penyalahgunaan kuasa oleh peniaga yang dominan untuk menyingkir atau menyekat persaingan di pasaran

BAB 23

PENGGABUNGAN ANTI-PERSAINGAN

Penggabungan antara perniagaan yang mengurangkan persaingan dan pilihan secara signifikan

Siapakah yang bermanfaat dari Akta Persaingan?



Pengguna

- Harga yang adil dan kompetitif
- Lebih banyak pilihan
- Keyakinan dalam pasaran yang adil



Peniaga

- Peluang sama rata untuk bersaing
- Dilindungi daripada persaingan tidak adil
- Ruang untuk berkembang tanpa halangan

Berminat mengetahui lebih lanjut mengenai Akta Persaingan?

Layari www.ccbd.gov.bn atau hubungi kami di exec.secretariat@ccbd.gov.bn

Mempertingkatkan kemahiran peserta dalam seni berdikir

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



ANTARA peserta Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Pegawai Masjid, AJK Takmir Masjid, Muslimah Masjid, Jemaah Masjid, Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

BELAIT, Khamis, 26 November. – Dikir Syarafil Anam merupakan salah satu khazanah berharga yang diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei sejak zaman berzaman.

Dikir Syarafil Anam mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan banyak keistimewaan.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait mengadakan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Pegawai Masjid, AJK Takmir Masjid, Muslimah Masjid, Jemaah Masjid, Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan pada pertandingan yang diadakan petang tadi di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan.

Bagi Kategori Lelaki, johan disandang oleh Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait 'A', diikuti naib johan diraih oleh Masjid An-Na'im, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau; manakala tempat ketiga milik Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Sementara johan bagi Kategori Perempuan ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar; diikuti naib johan milik Masjid Haji Abd. Azim, Kampung Luagan Dudok, Daerah Tutong; manakala tempat ketiga diraih oleh Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah bagi memberikan bimbingan, pendedahan serta peluang kepada para peserta mempelajari teknik berdikir yang betul dan mampu mempersembahkan Dikir Syarafil Anam dengan baik dan sempurna, yang secara tidak langsung dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu bacaan Dikir Syarafil Anam dari segi fashahah, lagu dan suara.

Di samping itu, menggalakkan para peserta untuk terus mempelajari dan menguasai lagu-lagu dikir supaya dapat menyampaikan hajat masyarakat awam khususnya bagi menyerikan acara keagamaan. Ia juga dihasrat agar para peserta sentiasa mengamalkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam setiap hari semata-mata untuk beroleh pahala, berkat dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

KESUSASTERAAN, WARISAN BUDAYA BRUNEI TERUS DIPERKENALKAN

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Singapore Writers Festival

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 25 November. - Kekayaan bahasa, kesusasteraan dan warisan budaya Brunei terus diperkenalkan ke pentas antarabangsa menerusi penyertaan Pensyarah dan Penyelidik Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Awang Muhammad Najib Noorashid, dalam Singapore Writers Festival (SWF) 2026 di Republik Singapura.

Penyertaan tersebut bukan sahaja membuka ruang untuk mengetengahkan khazanah tempatan kepada khalayak antarabangsa, malah memperkukuh perkongsian ilmu dan dialog budaya berkaitan bahasa, kesusasteraan, warisan serta kewartawanan di peringkat serantau.

Dr. Awang Muhammad Najib, yang berkhidmat dalam bidang Bahasa Melayu, Linguistik dan Kesusasteraan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD, dijemput menyertai tiga sesi perbincangan sepanjang festival yang berlangsung pada 13 hingga 22 November 2026.

Bertemakan Hidden in Plain Sight (Terlihat Dalam Tersirat), Edisi Ke-29 festival berkenaan menghimpunkan lebih 300 penulis, penceramah dan moderator dari seluruh dunia menerusi lebih 200 program yang merangkumi pelbagai bahasa, tradisi sastera dan perspektif antarabangsa.

Antara sesi yang disertainya ialah Royal Syair and Journalism in the Malay World (Syair Klasik dan Kewartawanan dalam Dunia Melayu), bersama penulis dan bekas wartawan Republik Singapura, Raman Daud serta penulis muda Annaliza Bakri.

Sesi tersebut membincangkan tradisi syair Melayu Klasik sebagai medium penyampaian pemikiran, sejarah dan komunikasi politik, serta hubungannya dengan amalan kewartawanan masa kini.

Beliau turut menyertai sesi The Path Named Heritage (Sebatang Jejak Bernama Warisan) bersama dua penerima anugerah belia kecemerlangan dari Republik Singapura, Syafiqah 'Adha dan Liyana Nasyita, yang membincangkan hubungan antara warisan kebangsaan, budaya dan identiti, selain kepentingan memastikan khazanah budaya terus dihargai dalam masyarakat yang semakin berubah.

Sementara itu, sesi Say It Right : Navigating Cultural Sensitivities in Journalism (Ucapkan dengan Tepat : Menangani Sensitiviti Budaya dalam Kewartawanan), bersama wartawan dari Malaysia dan Republik Singapura, Leong Xin Yuan dan Irshath Mohamed, meneliti tanggungjawab wartawan dalam menyampaikan maklumat secara tepat, beretika dan mengambil kira sensitiviti budaya masyarakat.

Ketika ditemu bual, Dr. Awang Muhammad Najib menjelaskan bahawa warisan bukan sekadar peninggalan masa lalu, tetapi merupakan sumber ilmu dan identiti yang perlu terus dikaji, didokumentasikan serta difahami.

"Warisan bahasa, kesusasteraan dan budaya merupakan sebahagian daripada khazanah intelektual sesebuah negara. Ia bukan sekadar sesuatu yang diwarisi, tetapi perlu terus diteliti, didokumentasikan dan diberikan nilai melalui penyelidikan.

"Bagi saya, usaha memelihara warisan bukan hanya tentang memastikan sesuatu tradisi itu kekal, tetapi juga memahami mengapa ia penting, bagaimana ia berkembang dan apakah sumbangannya kepada pembentukan masyarakat hari ini," jelasnya.

Pada masa yang sama, beliau juga berharap lebih banyak penyelidikan dapat dilaksanakan bagi mengetengahkan karya, manuskrip, tradisi lisan, penggunaan bahasa dan amalan budaya Brunei kepada khalayak yang lebih luas.

Menurutnya lagi, Brunei mempunyai pelbagai khazanah yang masih berpotensi untuk diteroka, termasuk tradisi kesusasteraan, sejarah bahasa, karya klasik dan amalan budaya yang mempunyai nilai tersendiri.

Beliau turut berharap usaha penyelidikan dan penerbitan dapat terus diperkukuh agar khazanah berkenaan bukan sahaja dikenali di dalam negara, malah dapat diperkenalkan dan dihargai di peringkat antarabangsa.

Pengalaman sepanjang festival berkenaan juga memperlihatkan minat khalayak pelbagai latar belakang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Brunei, khususnya tradisi kesusasteraan Melayu, sejarah dan identiti budayanya.

"Perkara yang amat menggembirakan saya ialah apabila khalayak antarabangsa menunjukkan minat untuk



PENSYARAH dan Penyelidik Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Muhammad Najib Noorashid ketika menyampaikan pembentangan.

mengetahui lebih lanjut tentang Brunei. Perbincangan seperti ini membuka peluang untuk kita berkongsi bukan sahaja apa yang kita miliki, tetapi juga cara kita memahami sejarah, bahasa dan budaya sendiri.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Singapore Writers Festival dan seluruh jawatankuasa kerja yang telah memberikan peluang ini. Saya berharap penyertaan tersebut dapat membantu memperkenalkan Brunei dengan lebih dekat serta meningkatkan kefahaman dan keterlihatan warisan budaya negara kita di mata dunia," tambahnya.

Dr. Awang Muhammad Najib turut menegaskan bahawa usaha memperkenalkan warisan tempatan perlu bergerak seiring dengan kerjasama serantau dan antarabangsa, yang membolehkan khazanah budaya dikaji daripada pelbagai perspektif, sekali gus memperkukuh hubungan budaya dan kefahaman antara masyarakat.

Sebagai pensyarah dan penyelidik UBD, beliau turut aktif dalam pembentangan penyelidikan serta perkongsian kepakaran di pelbagai platform akademik antarabangsa.

Penyertaan dalam Singapore Writers Festival 2026 sekali gus memberikan ruang kepada Brunei untuk menyumbang kepada wacana kesusasteraan dan kebudayaan serantau, di samping memperlihatkan bahawa khazanah tempatan mempunyai tempat dalam perbincangan global.

Usaha memelihara warisan, menurut beliau, merupakan tanggungjawab bersama yang melibatkan institusi, para penyelidik dan masyarakat dalam memastikan nilai bahasa, sastera serta budaya terus difahami, dihargai dan diwariskan kepada generasi seterusnya.

PELITA BRUNEI

MEMPERKUKUH PERSEFAHAMAN, HUBUNGAN RENTAS BUDAYA MENERUSI MOSAIC 2026





Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

MOSAIC 2026 : A Celebration of Cultures memberi peluang kepada para pengunjung untuk meneroka pakaian tradisional, merasa pelbagai masakan, kraf budaya dan mengambil bahagian dalam permainan sambil mempelajari tentang adat dan bahasa yang menjadikan setiap budaya itu unik (kiri dan kanan).

TUNGKU LINK, Rabu, 25 November. - Pelajar di Universiti Brunei Darussalam (UBD) memperkukuh persefahaman dan hubungan rentas budaya antara pelajar tempatan dan antarabangsa menerusi Mosaic 2026 : A Celebration of Cultures, sebuah inisiatif pimpinan pelajar yang menghimpunkan komuniti yang berbeza untuk berkongsi warisan mereka, bertukar perspektif dan memupuk rasa kekitaan yang lebih tinggi di kampus.

Dianjurkan oleh Eksekutif Kolaborasi dan Penglibatan Antarabangsa (EICE) Majlis Perwakilan Pelajar (PMUBD), dengan kerjasama Komuniti Pelajar Antarabangsa (ISC) UBD, Kolej Kediaman (RESCO) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, acara tersebut diadakan hari ini, di The Core, UBD, Tungku Link.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Mosaic 2026, Timbalan Dekan (Pengalaman dan Sokongan Pelajar), Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Dr. Nurul Huda Mohammad Ramli.

Sebanyak 10 reruai yang mewakili Negara Brunei Darussalam, Jepun, Republik Rakyat China, Republik Islam Pakistan, Republik Demokratik Timor-Leste, Republik Sosialis Viet Nam, Republik Filipina, Malaysia, Afrika dan Persekutuan Rusia mengubah tempat acara tersebut menjadi pameran budaya dari seluruh dunia.

Pengunjung yang hadir berpeluang untuk meneroka pakaian tradisional, merasa pelbagai masakan, menemui kraf budaya dan mengambil bahagian dalam permainan sambil mempelajari tentang adat dan bahasa yang menjadikan setiap budaya itu unik.

Program tersebut juga menampilkan barisan persembahan budaya dan muzik yang meriah, dengan para pelajar naik ke pentas untuk mempamerkan pelbagai gaya tarian dan muzik.

Sorotan termasuk tarian tradisional Republik Sosialis Viet Nam yang diiringi Bèo Dat Mây Trôi serta persembahan budaya Brunei iaitu Dundang-Dundang dan Joget Seri Kenangan oleh Kelab Budaya Tarian (DCC), dengan yang terakhir dipersembahkan dengan kerjasama Kelab Orkestra Gulintangan Varsiti (KOGV) dan Kelab Fonemik UBD.

Pengunjung juga mengambil bahagian dalam Cabaran Pasport Budaya, meneroka reruai, berinteraksi dengan wakil budaya dan mempelajari tentang tradisi yang berbeza. Peserta yang melengkapkan cabaran tersebut layak menyertai cabutan bertuah.

Bagi penganjur pelajar, acara tersebut amat bermakna dalam melihat komuniti yang berbeza berkumpul melalui pengalaman bersama.

"Yang menjadikan Mosaic bermakna bagi kami ialah melihat para pelajar berbangga berkongsi dari mana mereka berasal," kata Ketua EICE, Dayang Nur Azeela Natasya binti Haji Hamidon.

"Setiap reruai mempunyai kisahnya tersendiri, dan sungguh indah melihat pengunjung bertanya soalan, mencuba perkara baharu dan mempelajari tentang budaya yang mungkin tidak biasa bagi mereka. Kadang-kadang, pertukaran budaya bermula dengan perbualan yang mudah," tambahnya.

Raimunda Amaral Ximenes, seorang pelajar antarabangsa dari Republik Demokratik Timor-Leste yang mengikuti Sarjana Ekonomi Gunaan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBD SBE), juga mengalu-alukan peluang untuk mewakili negaranya.

"Saya gembira dapat memperkenalkan Timor-Leste kepada semua orang, terutamanya melalui pakaian tradisional kami, Tais, yang membawa bahagian penting dalam identiti budaya kami.

"Saya rasa menarik melihat orang bertanya tentang tradisi kami. Pada masa yang sama, saya menemui perkara tentang budaya lain yang tidak pernah saya ketahui sebelum ini. Ia pengalaman yang sungguh indah," katanya lagi.

Menerusi inisiatif pimpinan pelajar seperti Mosaic 2026, UBD terus mencipta peluang untuk pelajar belajar daripada perspektif yang berbeza dan membina hubungan merentas budaya, menyumbang kepada komuniti kampus yang lebih inklusif dan berhubung di peringkat antarabangsa.

Memperkukuh kefahaman pemimpin sekolah mengenai isu buli

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

KATOK, Rabu, 25 November. - Gejala buli dalam kalangan murid merupakan isu yang perlu diberikan perhatian serius kerana boleh menjejaskan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian persekitaran persekolahan. Perlakuan tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa, malah turut menjejaskan hubungan sesama murid serta suasana pembelajaran di sekolah.

Dalam perspektif Islam, perbuatan buli bertentangan dengan ajaran agama yang menekankan nilai-nilai akhlak mulia, kasih sayang dan hormat-menghormati sesama insan. Justeru, penerapan nilai-nilai Islam serta usaha pencegahan dan intervensi perlu diperkukuh bagi membentuk persekitaran persekolahan yang selamat, harmoni dan bebas daripada gejala buli.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menganjurkan Program Pencegahan Buli Perspektif Islam bagi Persekolahan Arab dan Ugama melalui Forum Kesedaran, Pencegahan dan Intervensi Buli dalam Pendidikan Ugama yang disertai oleh pemimpin-pemimpin sekolah di bawah jabatan berkenaan.



Forum tersebut diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, dengan penyertaan secara bersemuka dan secara maya.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat), JPI, KHEU, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan.

Penganjuran program tersebut merupakan wadah perkongsian ilmu dan maklumat bagi meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kefahaman pemimpin-pemimpin sekolah mengenai isu buli, termasuk mengenal pasti tanda-tanda awal, mengambil tindakan yang bersesuaian serta melaksanakan langkah pencegahan dan intervensi di peringkat sekolah.

Forum berkenaan dibahagikan kepada tiga sesi perbincangan dengan penglibatan seramai 12 ahli panel iaitu empat orang bagi setiap sesi, yang terdiri daripada pegawai Unit Perkhidmatan Kaunseling serta tenaga pengajar dari persekolahan Arab dan Ugama.



PENOLONG Pengarah (Perkhidmatan Korporat), JPI, KHEU, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan hadir selaku tetamu khas majlis (kiri). Manakala gambar atas, forum berkenaan merupakan wadah perkongsian ilmu dan maklumat bagi meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kefahaman pemimpin-pemimpin sekolah mengenai isu buli.

Forum dikendalikan oleh Pengasas Empowerior Sdn. Bhd., Mejar (B) Awang Haji Rusli bin Bujang selaku moderator dan diakhiri dengan sesi soal jawab bersama para peserta.

Program berkenaan dikendalikan bersama oleh Unit Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Pentadbiran dan Unit Latihan Jangka Pendek, Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, JPI.

MENGIKTIRAF PENCAPAIAN, KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PENOLONG Pengarah (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan hadir selaku tetamu khas majlis serta menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para penerima pada majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. - Sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD) telah mengadakan Majlis Haflut Takharruj dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Cemerlang Tahun 2026 bagi meraikan seramai 225 pelajar Sanah 6 dan Sanah 5 atas pencapaian mereka dalam bidang akademik.

Majlis yang diadakan pada pagi tadi bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam itu dihadiri oleh Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan, selaku tetamu khas majlis, yang turut menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para penerima.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Nur Aniqah Mahirah binti Haji Shari, johan Pertandingan Tilawah Al-Quran (Tarannum) Kategori Jim bagi Sekolah-Sekolah Arab, berserta inti sari ayat yang disampaikan oleh Dayang Sarah Emily binti Muhammad Zamir, pelajar Sanah 6 Azraq.

Majlis diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan Lagu Rasmi Sekolah, diikuti ucapan alu-aluan oleh Guru Besar SA RIPAD, Pengiran Hasinol Zamri bin Pengiran Haji Piut, selaku Pengerusi Majlis.

Antara pengisian utama majlis ialah penyampaian sijil Haflut Takharruj kepada pelajar-pelajar Sanah 6, sijil pelajar cemerlang 5A dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) kepada 48 pelajar, di samping hadiah tiga pelajar terbaik bagi setiap kelas Sanah 6 dan Sanah 5, dan hadiah pelajar terbaik dalam setiap mata pelajaran Sanah 6.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Penghargaan Khas kepada guru-guru cemerlang, Anugerah Guru Dedikasi, Anugerah Khas Pelajar Mutafawwiqah serta Anugerah Khas Pelajar Nasyithah.

Majlis diserikan lagi dengan tayangan video Apresiasi Khas Guru, persembahan sketsa Bahasa Arab dan persembahan puisi bertajuk 'Kita Satu Keluarga' oleh pelajar-pelajar Sanah 6, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Penganjuran majlis berkenaan bukan sahaja menjadi wadah untuk meraikan kejayaan dan kecemerlangan para pelajar dalam bidang akademik, malah turut mencerminkan komitmen sekolah dalam membarigakan serta memartabatkan pendidikan Islam dan Arab di Negara Brunei Darussalam.

Pengiktirafan yang diberikan diharap dapat menjadi pemangkin semangat kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan serta mengembangkan potensi diri dalam pelbagai bidang.

SR Beribi Telanai raikan pelajar cemerlang

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Beribi Telanai



ANTARA para pelajar yang diraikan pada Majlis Sambutan Pelajar Cemerlang Sekolah Rendah Beribi Telanai bertempat di Dewan Berdudun sekolah berkenaan, baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Sekolah Rendah Beribi Telanai telah mengadakan Majlis Sambutan Pelajar Cemerlang bertempat di Dewan Berdudun sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Guru Besar Sekolah Rendah Beribi Telanai, Dayang Isma Hidayati binti Ismail. Turut hadir, ibu bapa dan penjaga murid-murid yang diraikan.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan beramai dan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Md. Ali Hassan bin Haji Ramli bagi memohon keberkatan dan kelancaran majlis tersebut.

Kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada guru besar sekolah berkenaan, diikuti dengan tayangan video 2026 dan penyampaian hadiah-hadiah bagi pelajar cemerlang pada tahun ini. Majlis diakhiri dengan bacaan doa penutup dan sesi bergambar ramai.

Pihak sekolah berharap majlis seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai satu bentuk penghargaan dan pembakar semangat terhadap usaha serta pencapaian murid-murid.

Diharapkan juga agar pengalaman manis yang diperoleh melalui majlis ini akan menjadi kenangan indah kepada semua serta menjadi motivasi pelajar untuk mereka terus melangkah kecemerlangan yang seterusnya.

Adapun tujuan diadakan adalah bagi meraikan kejayaan dan pencapaian pelajar yang telah lulus dengan cemerlang pada tahun ini. Ia juga bertujuan memberikan penghargaan kepada pelajar semua atas usaha, perkembangan dan pencapaian mereka.

Menggalakkan usahawan tempatan dalam pertumbuhan ekonomi

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

>> Muka 20

Sehingga kini, festival berkenaan telah menarik lebih 140,000 pengunjung, menghimpunkan lebih 1,000 pempamer dan menjana jumlah jualan terkumpul melebihi BND1 juta.

Pencapaian ini mencerminkan sumbangan festival dalam meningkatkan pendedahan perniagaan, memperluas akses pasaran serta merangsang pertumbuhan komersial perusahaan tempatan.

Penganjuran Edisi Belait merupakan sebahagian daripada usaha lebih menyeluruh BEDB dalam memajukan kepelbagaian ekonomi melalui pembangunan perusahaan, pemudahcaraan pelaburan serta penyediaan infrastruktur perindustrian.

Dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait dan Revitalise Belait, sebuah pertubuhan berasaskan komuniti yang komited dalam menyokong usaha menggiatkan semula Daerah Belait, festival ini juga mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh ekosistem perniagaan tempatan serta meningkatkan aktiviti ekonomi di daerah berkenaan.

Menerusi sokongan dalam bidang pembangunan kapasiti, pembiayaan dan akses pasaran, BEDB membantu perusahaan tempatan untuk berkembang, mewujudkan peluang pekerjaan, menembusi pasaran baharu serta menyumbang secara langsung kepada usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Penganjuran festival ini turut direalisasikan dengan sokongan para penaja. Festival PMKS Brunei 2026 : Edisi Belait dibukakan kepada orang ramai mulai pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Memantapkan pemahaman guru mengenai kurikulum pendidikan Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. - Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Ahli Jawatankuasa Kerja Sukatan Pelajaran dan Penilaian bagi Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum, pada pagi tadi mengadakan Sesi Sosialisasi Pelaksanaan Kurikulum Baharu Pendidikan Islam Tahun 4.

Sesi yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Lambak, Jalan Bedil itu dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada kedua-dua kementerian, ketua-ketua guru ugama dan guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta seluruh negara.

Kurikulum baharu mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 4 disusun bagi memberi kefahaman dan membentuk penghayatan agama yang kukuh melalui pembelajaran yang lebih interaktif serta mudah difahami oleh pelajar.

Kurikulum baharu ini turut menerapkan pendekatan pedagogi kontemporari berasaskan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kemahiran berfikir kritis, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti. Reka bentuk buku teks juga diperkemas dengan penggunaan warna dan ilustrasi yang lebih menarik, manakala kandungan pembelajaran disusun secara sistematik mengikut tahap perkembangan pelajar.

Selain itu, aktiviti pengukuhan berasaskan pengalaman serta penyelarasan antara kurikulum, kaedah pengajaran dan pentaksiran turut diberikan perhatian bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

Sesi sosialisasi tersebut bertujuan memberikan pendedahan kepada para guru mengenai matlamat kurikulum, sukatan pelajaran dan penilaian mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 4 sebagai persiapan sebelum pelaksanaannya di sekolah-sekolah, di samping membuka ruang perbincangan dan perkongsian bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.



SESI Sosialisasi Pelaksanaan Kurikulum Baharu Pendidikan Islam Tahun 4 berkenaan telah diadakan baru-baru ini di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Lambak, Jalan Bedil dan dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada kedua-dua kementerian, ketua-ketua guru ugama dan guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta seluruh negara.

PELITA BRUNEI



Wanita dilindungi, bukan disakiti

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Infografik / Ilustrasi : Muhamad Yazid Irfan Haji Rosman, Penempatan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam di Bahagian Pelita Brunei

SETIAP tahun pada 25 November, dunia menandakan Hari Antarabangsa Menentang Keganasan Terhadap Wanita. Hari ini berfungsi sebagai peringatan global bahawa keganasan terhadap wanita dan gadis masih merupakan salah satu pelanggaran hak asasi manusia yang paling meluas, tetapi sering kali kekal senyap, tersembunyi dan tidak dilaporkan. Sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran, menggerakkan tindakan dan menuntut perubahan dalam menangani keganasan terhadap wanita.

Menurut UN Women, satu daripada tiga wanita di seluruh dunia mengalami keganasan fizikal atau seksual dalam hidupnya. Banyak bentuk keganasan seperti penderaan rumah tangga, pemerdagangan manusia dan gangguan dalam talian kurang dilaporkan bahkan ada yang menganggapnya normal.

Keganasan bukan sahaja bermaksud sebarang bahaya fizikal tetapi ia juga bermaksud melanggar sempadan fizikal, kesihatan mental atau seksual seseorang. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, keganasan terhadap wanita adalah "sebarang tindakan keganasan berasaskan jantina yang mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan, bahaya atau penderitaan fizikal, seksual atau psikologi kepada wanita termasuk ancaman tindakan sedemikian, paksaan atau perampasan kebebasan secara sewenang-wenangnya sama ada berlaku di khalayak ramai atau dalam kehidupan peribadi".

Pelbagai bentuk keganasan

Keganasan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada disedari atau tidak. Berikut adalah beberapa bentuk keganasan yang tidak seharusnya diabaikan oleh mana-mana wanita kerana norma patriarki dan stereotaip yang berakar umbi telah menjadikan keganasan ini sesuatu yang dianggap biasa.

- Keganasan fizikal : Penyalahgunaan rumah tangga, serangan atau bahkan pembunuhan.
- Keganasan seksual : Rogol, gangguan seksual dan pemerdagangan untuk eksploitasi seksual.
- Keganasan psikologi : Penyalahgunaan emosi atau tingkah laku mengawal.
- Keganasan ekonomi : Penafian kemerdekaan kewangan, gaji tidak sama rata atau eksploitasi di tempat kerja.

Punca sebenar keganasan

Punca sebenar keganasan berkait rapat dengan norma masyarakat dan patriarki serta stereotaip jantina. Masalah utama adalah ketidaksamaan jantina dalam masyarakat patriarki kita. Dominasi lelaki sentiasa menjadi halangan kepada perkembangan wanita. Amalan seperti mas kahwin dan perkahwinan kanak-kanak telah menjadikan keganasan sesuatu yang normal di sesetengah negara. Kebergantungan ekonomi bukan sahaja membuat wanita terdedah tetapi juga lebih cenderung untuk menerima keganasan.

Pendidikan yang terhad menghalang jalannya ke arah pemberdayaan dan membawa kepada trauma berperingkat. Perlindungan undang-undang yang lemah yang memaksa mangsa tanpa keadilan mencipta kitaran penderaan. Menangani punca sebenar memerlukan pendidikan, perubahan, pemberdayaan ekonomi dan penglibatan aktif komuniti untuk mengakhiri struktur keganasan.

Bagaimana kekerasan terhadap wanita dapat dihapuskan

Kekerasan terhadap wanita dapat dihapuskan dengan mengamalkan perkara-perkara penting yang menangani punca-akarnya. Untuk menghapuskan kekerasan terhadap wanita, kita boleh mengikuti beberapa strategi utama yang disebut di bawah :

- Mendidik masyarakat tentang kesaksamaan jantina, hak-hak wanita dan istilah keganasan.
- Memperkenalkan hak-hak wanita dan topik sensitif jantina dalam kurikulum sekolah.
- Kempen kesedaran harus diadakan dari semasa ke semasa bersama dengan mengadakan bengkel untuk lelaki, wanita dan semua peringkat umur bagi membina pemahaman mengenai hubungan yang sihat.
- Undang-undang yang kukuh terhadap keganasan perlu digubal dan dikuatkuasakan dengan berkesan bersama dengan dasar yang menyokong wanita dan memberi keberanian untuk bercakap menentang keganasan.
- Kestabilan kewangan seorang wanita mengurangkan kemungkinan keganasan terhadapnya. Memberi peluang pekerjaan dan gaji yang sama boleh membantu wanita menjadi berdikari dari segi kewangan.
- Kita boleh mewujudkan ruang selamat untuk melindungi wanita daripada keganasan dan memberikan keselamatan kepada mangsa.
- Inisiatif daripada pemimpin akar umbi perlu diambil untuk menyokong organisasi tempatan bagi memberdayakan wanita dan meningkatkan kesedaran.
- Melibatkan lelaki untuk menyokong kempen dan tujuan ini secara sama rata.
- Menggunakan teknologi untuk menangani isu ini boleh memainkan peranan besar dengan memanfaatkan platform digital untuk meningkatkan kesedaran. Awda boleh menggunakan platform media sosial secara aktif untuk menyuarakan menentang keganasan.

Keganasan terhadap wanita bukan sahaja menjejaskan wanita yang terlibat tetapi juga tercermin dalam masyarakat. Semasa keganasan berlaku, mangsa mengalami masalah kesihatan kronik dari segi fizikal dan mental. Tidak pulih daripada trauma boleh membawa kepada kemurungan dan juga kebimbangan. Ramai orang menghadapi trauma berperingkat kerana beberapa keganasan yang berlaku kepada mereka atau persekitaran mereka. Wanita yang tidak dapat bekerja akibat keganasan mengehadkan keupayaan mereka untuk menyumbang, sekali gus menangguhkan kemajuan ke arah kesaksamaan jantina dan mengekalkan kitaran kemiskinan.

Peranan lelaki menentang keganasan

Strategi yang dilakukan bagi menghapuskan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak harus bersifat holistik dengan memastikan pemahaman dan kesedaran mengenai isu ini harus meliputi kaum lelaki juga.

Mengakhiri keganasan bukan sahaja isu wanita, lelaki dalam masyarakat juga perlu tampil untuk bersuara menentangnya. Jika kita mula mendidik budak lelaki dari awal, kita boleh melihat pengurangan yang ketara dalam isu ini. Menggalakkan lelaki untuk menyokong kesaksamaan jantina dengan mencabar maskuliniti toksik boleh meruntuhkan struktur patriarki dalam masyarakat yang merupakan salah satu punca utama keganasan terhadap wanita.

Pemahaman bahawa kaum lelaki adalah pelindung masyarakat dan mesti menjauhi diri daripada melakukan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perlu dimasukkan dalam sistem pendidikan sekolah secara formal agar kanak-kanak lebih memahami sejak awal lagi.

Kesimpulan

Hari Antarabangsa untuk Penghapusan Keganasan terhadap Wanita adalah peringatan yang kuat bahawa keganasan boleh dicegah dan perubahan adalah mungkin. Institusi agama dan juga dapat membantu untuk menyebarluaskan kesedaran tentang isu ini kepada setiap lapisan masyarakat agar setiap ahli masyarakat memberi sokongan yang sepatutnya kepada mangsa.

Apabila kita menukar kesedaran menjadi tindakan berterusan, kita membina komuniti yang lebih selamat, setara dan berkuasa.



WARGA ASING DIPENJARA KERANA PECAH AMANAH, PENGUBAHAN WANG HARAM



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Seorang wanita warga Republik Filipina, Gricelle Cabalquinto Dayanan, yang bekerja sebagai Gold Specialist di sebuah kedai emas telah dijatuhkan hukuman penjara keseluruhan selama tujuh tahun, enam bulan setelah mengaku bersalah atas tiga pertuduhan pecah amanah jenayah di bawah Seksyen 408, Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) dan lima pertuduhan pengubahan wang haram di bawah Seksyen 3(1)(a), Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012.

GRICELLE Cabalquinto Dayanan, bekerja sebagai Gold Specialist di sebuah kedai emas telah dijatuhkan hukuman penjara keseluruhan selama tujuh tahun, enam bulan.

Siasatan yang dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Jabatan Siasatan Jenayah mendapati bahawa dari bulan Mei 2024 hingga Ogos 2026, pesalah telah menyalahgunakan barang kemas emas yang diamanahkan kepadanya sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Bagi menyembunyikan perbuatan tersebut, pesalah telah menyediakan resit pembelian palsu menggunakan nama pelanggan palsu bagi menunjukkan seolah-olah barang kemas berkenaan telah dibeli oleh pelanggan.

Barang kemas tersebut kemudiannya dijual atau digadai di beberapa premis kedai emas lain dan hasil jualannya dihantar kepada keluarganya di luar negara melalui perkhidmatan kiriman wang.

Hasil pemeriksaan di premis-premis kedai emas yang berkaitan juga telah membawa kepada penemuan semula sebahagian daripada barang kemas berkenaan.

Kepercayaan yang diberikan dalam pekerjaan merupakan amanah yang tidak sepatutnya disalahgunakan.

Pasukan Polis Diraja Brunei menasihatkan para pengusaha perniagaan supaya memperketat kawalan inventori, menjalankan pemeriksaan stok secara berkala, memastikan rekod jual beli sentiasa teratur serta memantau sebarang transaksi yang mencurigakan.

Pengusaha perniagaan juga diingatkan supaya melaksanakan usaha wajar (*due diligence*) bagi memastikan barangan dalam setiap transaksi perniagaan tidak diperoleh daripada hasil jenayah.

Orang ramai juga digalakkan untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis sekiranya mengetahui atau mengesan sebarang kegiatan yang mencurigakan, serta melaporkan sebarang kejadian jenayah di balai polis yang berhampiran.

Brunei Salebration 2026 mula 7 Disember

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. - Para peniaga daripada pelbagai sektor adalah dialu-alukan untuk menyertai acara Brunei Salebration 2026, yang akan berlangsung selama 42 hari bermula pada 7 Disember 2026 hingga 17 Januari 2027.

Acara jualan tahunan di peringkat kebangsaan ini menyediakan platform bagi para peniaga dari pelbagai sektor termasuk runcit, pasar raya, restoran dan ejen pelancongan, untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing melalui promosi dan tawaran menarik sepanjang tempoh tersebut.

Brunei Salebration 2026 juga merupakan sebahagian daripada acara yang dianjurkan sempena Pesta Disember Brunei Ke-10 (10th Brunei December Festival 2026) bagi memeriahkan musim cuti persekolahan akhir tahun serta merancakkan aktiviti perniagaan dan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran Brunei Salebration 2026 memberikan peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan pelbagai barangan dan perkhidmatan pada tawaran yang menarik, di samping membantu para peniaga meningkatkan keterlihatan perniagaan serta mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.

Inisiatif ini juga diharap dapat menyokong usaha mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang menarik menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027).

Acara Brunei Salebration diungkayahkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, bertujuan untuk merancakkan aktiviti ekonomi domestik dengan menyokong perniagaan tempatan.

Inisiatif ini menggalakkan orang ramai berbelanja di dalam negara, di mana setiap dolar yang dibelanjakan akan membantu menyumbang kepada pengukuhan ekonomi tempatan, menyokong peluang pekerjaan serta memberi manfaat kepada peniaga tempatan.

Pendaftaran penyertaan bagi para peniaga dibuka bermula hari ini sehingga 7 Disember 2026.

Para peniaga yang berminat untuk menyertai boleh menghadapkan Borang Makluman Jualan yang lengkap diisi melalui e-mel *sales@jpes.gov.bn*. Borang berkenaan boleh dimuat turun melalui laman sesawang JPES di *www.deps.gov.bn*.

JPES turut mengingatkan para peniaga yang menyertai Brunei Salebration agar memastikan aktiviti jualan dijalankan secara telus dan beretika serta mematuhi Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah, Perintah Paparan Tanda Harga dan Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261.

Para peniaga hendaklah memastikan maklumat mengenai harga, kadar diskaun, terma dan syarat serta butiran promosi dipamerkan dengan jelas dan tepat bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai Brunei Salebration, orang ramai dan para peniaga boleh menghubungi JPES melalui e-mel di *sales@jpes.gov.bn*.





DARI MAHKAMAH

Didenda miliki pelbagai jenis rokok tanpa permit

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 November. - Seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda atas kesalahan memiliki 73 karton dan tiga paket rokok pelbagai jenis tanpa pemit yang sah di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 serta wang tunai sebanyak BND76.

Majistret Malai Sharifah Nur Baqiyyah binti Malai Shahran menjatuhkan hukuman sebanyak BND72,720 atau pemenjaraan selama 16 bulan sekiranya gagal menjelaskan denda terhadap Mohammad Badri Hakimin bin Aminuddin, 25 tahun di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan.

Mohammad Badri Hakimin ditangkap oleh Pegawai Polis Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pegawai Pencegah Kastam Bandar Seri Begawan pada 31 Januari 2026 di Kawasan Letak Kenderaan di sebuah kedai di kawasan Jalan Utama Berakas.

Semua barang-barang yang terlibat iaitu rokok dan wang tunai dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan selanjutnya.

PELITA BRUNEI

MACRON GESA PERSETUJUAN BELANJAWAN EU DICAPAI MENJELANG AKHIR TAHUN

BRUSSELS, 27 Nov. - Presiden Republik Perancis Emmanuel Macron menggesa pemimpin Kesatuan Eropah (EU) mencapai persetujuan mengenai belanjawan jangka panjang blok itu bagi tempoh 2028 hingga 2034 sebelum akhir tahun ini, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Macron memberi amaran bahawa kegagalan mencapai persetujuan dalam beberapa minggu akan datang akan mencetuskan "tekanan yang jauh lebih besar" serta meningkatkan risiko belanjawan itu tidak dapat dimuktamadkan mengikut jadual.

"Sekiranya tiada persetujuan dicapai menjelang 31 Disember, perbincangan akan disambung semula pada separuh kedua tahun depan. Saya tidak fikir ini penyelesaian terbaik untuk Eropah," kata beliau di luar Sidang Kemuncak EU di Brussels pada Khamis.

Gesaan Macron itu dibuat menjelang pilihan raya presiden Republik Perancis, dengan pusingan pertama pengundian dijadual berlangsung pada 18 April 2027. Macron, yang kini dalam penggal kedua sebagai presiden, tidak layak bertanding semula.

Dalam pada itu, pemimpin EU yang berhimpun di Brussels masih berbeza pendapat mengenai kaedah membiayai pelaburan dalam bidang keutamaan baharu seperti pertahanan dan daya saing, di samping mengekalkan subsidi pertanian serta bantuan kewangan kepada wilayah kurang maju.

Canselor Republik Persekutuan Jerman Friedrich Merz ketika menghadiri mesyuarat itu sekali lagi menegaskan tuntutannya supaya saiz belanjawan dihadkan bagi mengelakkan peningkatan mendadak dalam sumbangan kewangan negara itu. - ©BERNAMA

Kebakaran kilang penapisan minyak Bangchak di Thailand : 7 cedera, unit pengeluaran dihentikan

BANGKOK, 26 Nov. - Sekurang-kurangnya tujuh orang cedera apabila kebakaran berlaku di kilang penapisan minyak Bangchak Phra Khanong di sini pada Khamis, menyebabkan operasi semua unit pengeluaran dihentikan serta-merta.

Bangchak memaklumkan bahawa kebakaran berlaku kira-kira 2.45 petang di kilang penapisan minyaknya di daerah Phra Khanong, sambil menambah bahawa langkah tindak balas kecemasan segera diaktifkan untuk mengawal kebakaran dan menghentikan operasi semua unit pengeluaran.

"Keadaan berjaya dikawal dan kebakaran dipadamkan pada 3.45 petang," menurut syarikat itu dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, pemantauan kualiti udara di sekitar kilang penapisan minyak itu menunjukkan bacaan normal susulan kejadian berkenaan.

Punca kebakaran sedang disiasat dan syarikat itu memaklumkan bahawa perkembangan lanjut akan dimaklumkan apabila lebih banyak maklumat diperoleh.

Sementara itu, Pusat Perubatan Kecemasan Bangkok, yang juga dikenali sebagai Pusat Erawan, memaklumkan bahawa laporan awal menunjukkan tujuh orang cedera dalam kejadian yang pada mulanya dilaporkan sebagai 'letupan'.

"Daripada jumlah itu, empat dikategorikan sebagai pesakit zon merah (kritikal), manakala tiga lagi pesakit zon kuning (sederhana)," menurut pusat itu dalam satu kenyataan ringkas.

Perdana Menteri Thailand Anutin Charnvirakul mengarahkan supaya penilaian segera terhadap kesan kejadian itu kepada alam sekitar dilaksanakan, khususnya potensi risiko terhadap kesihatan dan keselamatan penduduk di kawasan sekitar.

Jurucakap kerajaan Lalida Persvivatana berkata Anutin telah mengarahkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Suchart Chomklin untuk menyelia usaha tindak balas dan mengarahkan agensi berkaitan menyiasat kesan kejadian itu terhadap alam sekitar.

"Perdana Menteri bimbang mengenai penduduk yang tinggal di sekitar kilang penapisan minyak Bangchak dan telah mengarahkan agensi berkaitan supaya mengutamakan keselamatan awam, selain terus memantau kesan terhadap kualiti udara dan air," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan memantau rapi keadaan itu dan segera memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang risiko yang dikenal pasti bagi membolehkan penduduk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya. - ©BERNAMA

Filipina tegaskan semula sokongan terhadap penyelesaian 2 negara

MANILA, 25 Nov. - Kerajaan Filipina menegaskan semula sokongannya terhadap usaha mencapai penyelesaian dua negara antara Israel dan Palestin ketika negara itu menyertai masyarakat antarabangsa memperingati ulang tahun ke-38 pengisytiharan kemerdekaan Palestin, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Pada majlis resepsi Hari Kebangsaan Palestin di Makati City pada Selasa malam, Setiausaha Rendah Hal Ehwal Luar, Leo Herrera-Lim berkata Manila terus menyokong "hak mutlak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri" serta seruan supaya kedua-dua negara hidup bersama secara aman sebagai "negara merdeka, selaras dengan undang-undang antarabangsa."

"Filipina bersedia bekerjasama dengan rakan antarabangsa ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaya maju. Atas semangat inilah kami menjadi anggota Persidangan Kerjasama Antara Negara-Negara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin (CEAPAD) pada Ogos 2025," katanya dalam ucapan itu.

Beliau berkata Manila bimbang dengan situasi kemanusiaan yang semakin merosot dan disifatkan sebagai "malapetaka" di Semenanjung Gaza serta "perkembangan yang amat membimbangkan" di Tebing Barat.

Menurut beliau, penyelesaian dua negara merupakan satu-satunya jalan yang berdaya maju untuk mencapai "keamanan yang adil, berkekalan dan menyeluruh" di Asia Barat.

"Filipina menyokong semua usaha diplomatik dan pengantaraan ke arah mencapai keamanan yang adil, berkekalan dan menyeluruh di Asia Barat," katanya.

"Ini merupakan perkara yang secara langsung menjadi kebimbangan negara kami. Rantau ini menempatkan lebih dua juta rakyat Filipina, manakala laluan lautnya dilalui kapal yang dikendalikan oleh pelaut Filipina, yang membentuk kira-kira satu perempat daripada tenaga kerja maritim dunia," katanya.

Duta Besar Palestin ke Republik Filipina Mounir Y.K. Anastas menzahirkan penghargaan atas sokongan Manila dan menyifatkan negara itu sebagai "sinar harapan yang berterusan" di sebalik "bayangan malapetaka kemanusiaan yang tidak berkesudahan di seluruh Negara Palestin".

Beliau berkata Palestin akan berusaha memperluas kerjasama dua hala dengan Republik Filipina, termasuk dalam bidang pendidikan tinggi, penyelidikan saintifik dan kerjasama kebudayaan.

"Kami amat menghargai persahabatan ini. Sempena Hari Kebangsaan ini, kami memperbaharui komitmen terhadap sebuah negara Palestin yang bebas dan berdaulat serta hidup aman dengan negara-negara jirannya," katanya.

Palestin memperingati ulang tahun pengisytiharan kemerdekaannya pada 15 November dan Hari Solidariti Antarabangsa Bersama Rakyat Palestin pada 29 November setiap tahun. - ©BERNAMA

Republik India bakal mulakan percubaan kereta api laju pada Mei

KUALA LUMPUR, 25 Nov. - Kereta api laju pertama Republik India dijangka memulakan ujian percubaan pada Mei 2027 di bahagian Surat-Bilimora sepanjang 50 kilometer di Koridor Rel Berkelajuan Tinggi Mumbai-Ahmedabad, umum Menteri Kereta Api India Ashwini Vaishnaw.

Laluan itu,yang menghubungkan dua pusat ekonomi terbesar Republik India, akan menjadi bahagian pertama rangkaian rel berkelajuan tinggi negara itu yang menjalani pengujian, lapor TV BRICS, memetik IANS.

Kerja-kerja elektrifikasi telah siap,manakala sistem pengisyaratan dijangka siap menjelang Januari 2027.

Menteri itu menyatakan bahawa kereta api berkelajuan tinggi yang bergerak melebihi 240 kilometer sejam memerlukan piawaian kejuruteraan khusus.

Pada kelajuan sedemikian,tekanan yang terhasil daripada lintasan kereta api memberikan permintaan yang ketara terhadap kedua-dua stok rolling dan infrastruktur kereta api. - ©BERNAMA

6 hilang selepas pesawat terhempas di Mississippi

NEW YORK, 25 Nov. - Pihak berkuasa sedang mencari enam individu terdiri daripada empat dewasa dan dua kanak-kanak yang menaiki sebuah pesawat yang terhempas berhampiran Pulau Horn, di luar pesisir Mississippi, Amerika Syarikat (AS) pada Selasa, lapor Xinhua.

Pesawat enjin tunggal jenis Cessna itu dalam penerbangan dari Lapangan Terbang New Orleans Lakefront ke Fort Myers, Florida, apabila terputus hubungan pada kira-kira 3.45 petang waktu tempatan (2145 GMT).

Data radar menunjukkan pesawat itu menurun pada kadar 3,048 meter seminit sebelum terputus hubungan, menurut laporan media tempatan yang memetik Pengawal Pantai AS.

Pasukan mencari setakat ini menemukan tiga jaket keselamatan, sebuah rakit keselamatan dan bahagian kabin pesawat berkenaan, namun belum menemukan sebarang petunjuk mengenai keberadaan enam individu yang menaiki pesawat itu, kata pegawai penerangan awam Pengawal Pantai AS Juan Ros.

Operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan berhampiran lokasi nahas. - ©BERNAMA

Hampir 7,000 mangsa ranjau letupan darat, bahan letupan tinggalan perang pada 2025

GENEVA, 25 Nov. - Hampir 7,000 orang maut atau cedera akibat ranjau letupan darat dan bahan letupan tinggalan perang di seluruh dunia pada 2025, jumlah mangsa tahunan tertinggi sejak 2020, susulan penggunaan semula ranjau dan pergerakan penduduk ke kawasan yang tercemar dengan bahan letupan, menurut laporan yang dikeluarkan pada Selasa.

Anadolu Ajansi (AA) melaporkan bahawa laporan Landmine Monitor 2026 yang diterbitkan oleh International Campaign to Ban Landmines (ICBL) merekodkan sekurang-kurangnya 6,929 mangsa, sama ada maut atau cedera, pada tahun lepas, meningkat 10 peratus berbanding 2024.

Orang awam merangkumi 84 peratus daripada jumlah mangsa yang diketahui status mereka, manakala kanak-kanak membentuk separuh daripada jumlah mangsa dalam kalangan orang awam yang direkodkan umur mereka.

Republik Kesatuan Myanmar -- negara yang bukan pihak kepada perjanjian itu -- mencatatkan jumlah mangsa tertinggi untuk tahun ketiga berturut-turut, diikuti Syria yang menyaksikan peningkatan jumlah mangsa lebih 50 peratus susulan kepulangan penduduk ke kawasan yang tercemar dengan bahan letupan.

"Orang awam, terutama kanak-kanak, merupakan golongan yang terus menanggung kesan buruk yang serius akibat ranjau letupan darat. Kesan buruk ini boleh dielakkan, namun hanya jika semua negara komited untuk menghalang penggunaan ranjau selanjutnya," kata editor laporan itu bagi aspek korban dan bantuan kepada mangsa, Loren Persi Vicentic.

Laporan itu mendokumentasikan penggunaan dan pengeluaran baharu ranjau pembinasa anggota oleh Ukraine, sebuah negara pihak kepada Perjanjian Pengharaman Ranjau Darat, yang "melanggar kewajipannya" di bawah perjanjian berkenaan. Penggunaan baharu ranjau turut dilaporkan melibatkan Republik Islam Iran, Korea Utara, Persekutuan Rusia dan kemungkinan Amerika Syarikat (AS).

Estonia, Finland, Latvia, Lithuania dan Poland menjadi negara pertama yang menarik diri daripada perjanjian itu, dengan Finland dan Poland sedang membuat persediaan untuk menyambung semula pengeluaran ranjau pembinasa anggota.

Sementara itu, usaha pembersihan ranjau semakin perlahan dan pembiayaan antarabangsa semakin tertumpu kepada negara tertentu, menyebabkan beberapa negara yang terjejas tidak menerima bantuan, menurut laporan itu.

"Ketika konflik, pencemaran bahan letupan dan jumlah mangsa yang maut atau cedera semakin meningkat, sumber yang boleh diagihkan semakin berkurangan," kata editor Landmine Monitor bagi pembiayaan tindakan berkaitan ranjau, Ruth Bottomley.

"Penderma semakin mengehadkan keutamaan dan tumpuan geografi mereka, sekali gus meletakkan nyawa dan mata pencarian penduduk dalam bahaya".

Meskipun terdapat negara yang menarik diri, Lubnan, Kepulauan Marshall dan Tonga baru-baru ini menyertai perjanjian itu, menjadikan jumlah negara yang terikat dengan larangan berkenaan kepada 162.

Perjanjian yang berkuat kuasa pada 1 Mac 1999 itu melarang penggunaan, penyimpanan stok, pengeluaran dan pemindahan ranjau pembinasa anggota serta mewajibkan negara anggota membersihkan kawasan yang tercemar dengan bahan letupan, memusnahkan stok ranjau dan memberikan bantuan kepada mangsa. - ©BERNAMA

PASUKAN BUBU JUARA BOLA SEPAK FUTSAL SILATURAHIM

Berita dan Foto : Ihsan Haji Ahat Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 November. – Empat kemenangan berturut-turut yang diraih Pasukan Bubu telah menobatkan pasukan tersebut sebagai juara Kejohanan Bola Sepak Futsal Silaturahim yang berlangsung baru-baru ini di Kompleks Sukan JKR.

Pasukan tersebut berjaya mengukuhkan kedudukan mereka selepas menundukkan Pasukan Pukat (2 - 0), Pasukan Selambau (2 - 1), Pasukan Kabat (2 - 0), Pasukan Kilong (2 - 0) dan hanya tewas di perlawanan terakhir kepada Pasukan Tugu (3 - 0).

Meskipun ditundukkan oleh Pasukan Tugu pada perlawanan terakhir liga, Pasukan Bubu telah layak sebagai juara mengatasi Pasukan Selambau yang menduduki naib juara melalui kelebihan jaringan.

Manakala, Pasukan Kilong pula di tempat ketiga; sementara Pasukan Tugu menduduki tempat keempat.

Tempat kelima pula disandang oleh Pasukan Pukat; manakala menduduki tempat keenam ialah Pasukan Kabat.

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusli.

Kejohanan anjuran Gabungan Purih Mukim Saba (GPMS) berkenaan adalah bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

Pengerusi GPMS, Awang Muhammad Soffriana bin Haji Masri menjelaskan bahawa kejohanan tersebut juga salah satu acara bagi memperingati penubuhan setahun Kelab Bola Sepak GPMS.

Menyentuh nama-nama pasukan di kejohanan tersebut, beliau menyatakan bahawa nama-nama tersebut diambil daripada nama peralatan menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan Kampong Ayer.

Dengan demikian tambahnya, orang ramai terutama generasi muda akan dapat mengenali peralatan tersebut yang satu ketika dulu digunakan bagi menangkap ikan.





TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusli hadir menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pada Kejohanan Bola Sepak Futsal Silaturahim (atas). Sementara gambar bawah, suasana semasa berlangsungnya perlawanan pada kejohanan tersebut.

PKWE DBM anjur Pertandingan Dart, Permainan Tradisi Brunei



SEKITAR Pertandingan Dart dan Permainan Tradisi Brunei yang diadakan di Dewan Legar PKWE DBM, Jalan 77, Lambak Kanan (atas dan bawah).

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara

LAMBAK KANAN, Rabu, 25 November. - Dengan hasrat untuk mencungkil lagi pelbagai bakat baharu di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) baru-baru ini turut tidak ketinggalan memanfaatkan masa lapang bersama dengan penganjuran Pertandingan Dart dan Permainan Tradisi Brunei yang diadakan di Dewan Legar PKWE DBM, Jalan 77, Lambak Kanan.

Acara dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Abu Bakar bin Burut dan diteruskan dengan membaling dart oleh Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh sebagai menandakan bermulanya perlawanan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyaksikan kemeriahan acara, diikuti dengan penyempurnaan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Aktiviti riadah tahunan bersempena Majlis Sambutan Hari Keluarga Tahun 2026 ini merupakan penganjurannya kali ke-5 yang melibatkan ahli-ahli PKWE DBM yang sekali gus menjadi salah satu platform terbaik untuk menguji tahap kemahiran masing-masing.



PIP sahut cabaran pada Kejohanan Marlin Cup Football Tournament

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Kelab Bola Sepak Projek Ikan Pusu

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 November. - Pasukan Projek Ikan Pusu (PIP) akan menyahut dan menggalas cabaran pada Kejohanan Marlin Cup Football Tournament 2026 Bawah 13 Tahun (U13) yang akan berlangsung di Padang Sintetik JBS, Wilayah Persekutuan Labuan.

Kejohanan selama dua hari itu, bermula pada sabtu ini dan akan menghimpunkan penyertaan 10 pasukan pemain muda dari tiga wilayah iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah dan Sarawak, sekali gus menjadi medan pendedahan terbaik buat pemain-pemain muda.

PIP telah diundi dalam Kumpulan 'A' bersama pasukan-pasukan iaitu ABC Club (Sarawak), West Warrior FC (Sabah), Pengalat FC (Sabah) dan City Boys FC (WP Labuan).

Manakala Kumpulan 'B' pula dibarisi oleh TBBKK FC (Sabah), NZ FC Junior (WP Labuan), Krupang Warrior (WP Labuan), SNG FC JR (Sabah) dan tuan rumah Marlin FC (WP Labuan).

Presiden PIP, Awang Haji Omar bin Haji Jamil selaku Ketua Jurulatih PIP berkata penyertaan ini akan memberi pengalaman berharga kepada pemain-pemain muda PIP untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Ia juga merupakan salah satu program jangka panjang PIP untuk membina keyakinan diri pemain, disiplin dan semangat kesukanan yang tinggi. Saya yakin pasukan PIP akan mampu memberi saingan tinggi sepanjang kejohanan itu nanti," ujarnya sebelum berlepas ke Wilayah Persekutuan Labuan, pagi ini.

Beliau turut memberi penghargaan kepada pihak HiTUNE GOC, Yakin Football League dan OR Sdn. Bhd. yang memberi sokongan penyertaan Pasukan PIP pada kejohanan berkenaan.



PASUKAN Projek Ikan Pusu akan beraksi pada Kejohanan Marlin Cup Football Tournament 2026 U13 yang berlangsung di Padang Sintetik JBS, Wilayah Persekutuan Labuan.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

PENCAK SILAT SUMBANG 3 PINGAT GANGSA BUAT NBD



PASUKAN NBD dalam Kategori Regu Lelaki dan Kategori Regu Wanita masing-masing mendapat pingat gangsa bagi acara pencak silat (atas kiri dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12

SABAH, Khamis, 26 November. – Atlet negara terus menambah koleksi pingat buat kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) menerusi kejayaan meraih pingat dalam acara pencak silat.

Kontinjen NBD berjaya meraih tiga pingat gangsa bersama dalam acara pencak silat pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12 yang berlangsung di Sabah, Malaysia.

Dua pingat gangsa tersebut masing-masing disumbangkan menerusi Kategori Regu Lelaki dan Regu Wanita.

Dalam Kategori Regu Lelaki, pingat emas dimenangi oleh Malaysia 'B' dari Sarawak, manakala pingat perak diraih oleh Malaysia 'A' dari Sabah. Sementara pingat gangsa bersama pula menjadi milik NBD dan Philippines 'B' dari Davao City.

Sementara itu, dalam Kategori Regu Wanita, Malaysia 'A' dari Sabah meraih pingat emas, diikuti Philippines 'A' dari BARMM dengan pingat perak; manakala NBD dan Malaysia 'C' dari FT Labuan masing-masing berkongsi pingat gangsa.

Dalam acara Tunggal Lelaki, atlet NBD, Mohammad Izz Malek Haji Md. Harmaini, turut berjaya meraih pingat gangsa bersama Khyll Leo Piala Bacus dari Philippines 'B', Davao City. Pingat emas bagi acara berkenaan dimenangi oleh Fadhli Hidayat Harun dari Malaysia 'A' (Sabah), manakala pingat perak menjadi milik Muhammad Hasfizhan Abdullah Hassan dari Malaysia 'B' (Sarawak).

Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12 berlangsung dari 23 hingga 27 November 2026 di Sabah, Malaysia, dengan penyertaan kontinjen NBD seramai 64 orang, terdiri daripada 42 atlet dan 22 pegawai termasuk Chef de Mission, pegawai urus setia dan perhubungan, pegawai perubatan, jurulatih serta pengurus.

Kontinjen negara menyertai tujuh acara sukan, iaitu badminton, boling padang, karate, olahraga, pencak silat, renang dan sepak takraw.

Kontinjen karate NBD raih emas, perak, gangsa

SABAH, Rabu, 25 November. - Kontinjen karate Negara Brunei Darussalam (NBD) mencatat pencapaian membanggakan dalam Acara Kata pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12 yang berlangsung di Hongkod Koisaan (KDCA) Hall, Penampang, Sabah, setelah berjaya mengutip dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa.

Pingat emas pertama NBD disumbangkan oleh atlet karate, Mohammad Rasydan Syarifullah dalam Acara Individu Kata Lelaki.

Beliau mempamerkan persembahan mantap dengan mengalahkan wakil Malaysia 'A' - Sabah 'A', Roman Alyson Thomas dengan keputusan 5 - 0 pada perlawanan akhir.

Sebelum melangkah ke perlawanan akhir, Mohammad Rasydan telah menewaskan Muhammad Adil bin Mohd. Badruddin dari Malaysia 'C' - F.T Labuan dengan keputusan 5 - 0 pada peringkat Separuh Akhir A.



MOHAMMAD Rasydan Syarifullah mendapat pingat emas dalam Acara Individu Kata Lelaki.

Pasukan NBD terus mempamerkan kecemerlangan apabila menewaskan Malaysia 'A' - Sabah 'A' dengan keputusan 5 - 0 pada perlawanan akhir Acara Kata Berpasukan Lelaki sekali gus menggandakan koleksi pingat emas kontinjen negara dalam karate.

Bagi Acara Individu Kata Wanita, atlet NBD, Nur Alya Adriana Md. Zyrulzainey berjaya menyumbang pingat gangsa selepas memperoleh kemenangan 5 - 0 ke atas Martina Anne Jipaun dari Malaysia 'C' - F.T Labuan dalam perlawanan penentuan pingat gangsa.

Bagaimanapun, cabaran Nur Alya terhenti pada peringkat awal (*preliminary*) apabila tewas 2 - 3 kepada atlet Philippines 'B' - Davao City, Atsuko Kaiyel Dingal Tan.

Atsuko kemudiannya mara dan memenangi pingat perak selepas tewas kepada Audrey Adreana Baking dari Malaysia 'A' - Sabah 'A' dalam perlawanan akhir. Sementara itu, pingat perak NBD disumbangkan oleh Acara Kata Berpasukan Campuran (Mixed Team Kata) yang berjaya melangkah ke perlawanan akhir sebelum tunduk kepada Malaysia 'A' - Sabah 'A' dengan keputusan tipis 2 - 3.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12

Sebelum itu, Pasukan NBD mempamerkan prestasi cemerlang dengan menewaskan Philippines 'A' - BARMM 5 - 0 pada peringkat awal dan Malaysia 'C' - F.T Labuan 5 - 0 pada Separuh Akhir B.

Dengan pungutan dua emas, satu perak dan satu gangsa, NBD berada di kedudukan kedua keseluruhan Acara Karate setakat ini, sekali gus mengharumkan nama negara di pentas serantau.

Temasya yang berlangsung dari 23 hingga 27 November 2026 ini bertujuan untuk mengeratkan persahabatan dalam kalangan Negara Anggota BIMP-EAGA serta memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama melalui penganjuran aktiviti sukan.

TAHUKAH AWDA

LOJI Tenaga Solar Fotovoltaik BSP 3.3 Megawatt BSP yang terletak di G11, Jalan Tengah Seria ini menggunakan teknologi panel solar yang terkini. Ia merupakan loji tenaga suria kedua di Negara Brunei Darussalam. Pembinaan loji ini mengambil masa lebih tujuh bulan di mana hampir 7,000 panel solar telah dipasang di atas tanah seluas empat hektar. Loji ini telah pertama kali menjana tenaga pada 30 Mac 2021.

SUMBER : *www.bsp.com.bn*

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JANGAN ABAIKAN ASPEK KESELAMATAN WANG SIMPANAN, AKAUN BANK KITA